



2

KEMENTERIAN KEWANGAN

- Sistem ePerolehan Baharu

KEMENTERIAN KEWANGAN

SISTEM ePEROLEHAN BAHARU

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Sistem ePerolehan Baharu dibangunkan sebagai transformasi kepada sistem Perolehan sedia ada. Semua urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding Kerajaan Persekutuan hendaklah dilaksanakan melalui sistem ePerolehan Baharu mulai tahun 2018. Sistem ini turut membolehkan proses perancangan perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih berkesan serta pemantauan perolehan lebih terperinci bagi mengawal selia aktiviti pembekal. Sistem ini mempunyai lima (5) Modul Utama dan 10 Modul Sokongan.
- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan sistem ePerolehan Baharu telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif berikut:
 - membolehkan pembekal menawarkan produk dan perkhidmatan kepada Kerajaan melalui internet;
 - bertindak sebagai medium alternatif untuk para pembekal mendaftar atau memperbaharui Sijil Kementerian Kewangan; dan
 - mampu menjimatkan kos, masa dan tenaga apabila konsep *paperless* atau bebas kertas diaplikasikan sepenuhnya.
- Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan sistem ePerolehan Baharu. Prestasi pembangunan sistem dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*.
 - Pencapaian output merangkumi prestasi pembangunan sistem ePerolehan Baharu semasa Fasa Pembangunan dan Fasa Operasi.
 - Pencapaian *outcome* berdasarkan keberkesanan penggunaan sistem ePerolehan Baharu oleh pengguna, tahap kebolehpercayaan (*reliability*) sistem, data yang lengkap serta pengurusan *Identifier* Pengguna (ID) dan peranan pengguna.
- Pengurusan pembangunan sistem merangkumi prestasi kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak dan pengurusan aduan berdasarkan Perjanjian Tahap Perkhidmatan [*Service Level Agreement* (SLA)].
- Pengauditan melibatkan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan (MoF) yang merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk mengawal selia pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan sistem ePerolehan Baharu.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pembangunan sistem ePerolehan Baharu bertujuan memastikan pelaksanaan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding memenuhi peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan untuk semua agensi Persekutuan.
- Sistem ePerolehan Baharu membolehkan pembekal menawarkan produk dan perkhidmatan kepada Kerajaan melalui internet; medium kepada pembekal untuk mendaftar atau memperbaharui Sijil Kementerian Kewangan; serta menjimatkan kos, masa dan tenaga apabila konsep *paperless* atau bebas kertas diaplikasikan sepenuhnya.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pembangunan sistem ePerolehan Baharu tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan memandangkan sistem lewat disiapkan selama tiga (3) tahun. Kos tambahan berjumlah RM28.27 juta telah dibayar oleh Kerajaan kepada kontraktor, manakala pada masa yang sama denda kelewatan berjumlah RM16.30 juta belum dikenakan terhadap kontraktor. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan sistem dari segi kawalan aplikasi yang membenarkan perolehan dilaksanakan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - Pembangunan sistem ePerolehan Baharu tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan akibat kelewatan *go-live* selama tiga (3) tahun daripada tarikh perancangan asal. Kesannya, kos tambahan berjumlah RM28.27 juta telah dibayar kepada kontraktor pada 14 September 2018 berdasarkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan II walaupun klausa kos tambahan tidak dinyatakan dalam dokumen kontrak.
 - Modul Sokongan iaitu Modul Audit bagi sub modul Jejak Audit dan Laporan belum dibangunkan manakala Modul *Business Intelligence* perlu dibangunkan semula kerana terdapat perubahan dasar Kerajaan.
 - Modul Pengurusan Katalog turut mengambil kira maklumat perolehan kerja.
 - Terdapat tawaran harga yang tidak munasabah dikemukakan oleh pembekal.
 - Mekanisma kawalan yang disediakan dalam sistem ePerolehan Baharu adalah tidak cekap bagi memantau dan menyekat aktiviti perolehan yang dibuat tanpa mematuhi peraturan Kerajaan.
 - *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM16.30 juta lewat dikenakan terhadap kontraktor bagi pembangunan sistem yang melebihi tempoh.
 - Dokumen kontrak telah ditandatangani pada 23 Januari 2015, iaitu lewat 717 hari dari tempoh sepatutnya ditandatangani. Selain itu, tiada sebarang perjanjian tambahan ditandatangani terhadap penangguhan tempoh menyiapkan pembangunan sistem ePerolehan Baharu.
 - Kontraktor lewat mengambil tindakan terhadap aduan berdasarkan SLA. Penalti berjumlah RM34,870 disebabkan ketidakpatuhan kepada SLA belum dikenakan terhadap kontraktor.

KEMENTERIAN KEWANGAN

1. SISTEM ePEROLEHAN BAHARU

FAKTA UTAMA SISTEM ePEROLEHAN BAHARU

1 Januari 2018	RM1.83 Bilion	Kontraktor
Sistem ePerolehan Baharu mula <i>go-live</i>	Kos kontrak ditanggung oleh kontraktor bagi tempoh konsesi 2012 – 2029	<i>Service provider</i> yang dilantik secara rundingan terus melalui kaedah <i>Outsourcing of Services</i>
Kementerian Kewangan	Mengawal selia pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan sistem ePerolehan Baharu	
Kaedah Pelaksanaan	<i>Outsourcing of Services</i> (OOS)	
Agensi Kerajaan Persekutuan	Pengguna sistem ePerolehan Baharu	
Jenis Perolehan	- Bekalan dan perkhidmatan bukan perunding - Tidak termasuk perolehan kerja	
Fi Perkhidmatan	0.4% setiap transaksi kontrak bermasa yang melibatkan beberapa kali bayaran dengan kenaikan maksimum RM4,800 0.8% setiap transaksi bagi <i>one time payment</i> dengan kenaikan maksimum RM9,600	
Fi Pendaftaran Pembekal	- RM450 dikenakan kepada pembekal dengan Kerajaan mengutip RM350 manakala kontraktor mengutip RM100 - Tiada kenaikan fi bagi tambah bidang	


1. LATAR BELAKANG

1.1. Kementerian Kewangan (MoF) telah membangunkan sistem ePerolehan pada tahun 2000 bagi urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding untuk semua agensi Kerajaan Persekutuan. Namun begitu mulai tahun 2018, sistem ini kemudiannya telah digantikan dengan sistem *NextGen Electronic Procurement Services*, yang juga dikenali sebagai sistem ePerolehan Baharu.

1.2. Kontraktor yang dilantik sebagai *service provider* bagi kedua-dua sistem ini merupakan kontraktor yang sama iaitu Syarikat 486495V. Syarikat ini ditubuhkan pada 21 Jun 1999 dan merupakan 100% milik Bumiputera. Pelantikan semula syarikat yang sama untuk membangunkan sistem ePerolehan Baharu adalah berdasarkan kepada prestasi syarikat semasa membangun, melaksana dan mengoperasikan sistem ePerolehan terdahulu.

1.3. Sistem ePerolehan Baharu yang dibangunkan menggantikan proses perolehan secara operasi di sistem ePerolehan lama dengan mengekalkan ciri terdahulu. Sistem ePerolehan Baharu turut membolehkan proses perancangan perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih berkesan serta pemantauan perolehan lebih terperinci bagi mengawal selia aktiviti pembekal. Perbezaan utama antara sistem ePerolehan lama dan baharu adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
PERBEZAAN SISTEM ePEROLEHAN LAMA DAN BAHARU



Sumber: Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF

1.4. Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK) di MoF merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk mengawal selia pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan sistem ePerolehan Baharu. Sektor khusus yang dipertanggungjawabkan untuk tujuan tersebut ialah Sektor Sistem Perolehan dan Pendaftaran (Sektor S), BPK.

1.5. Pada 25 Jun 2012, Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan I (JPMKI) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kewangan I (merangkap Perdana Menteri pada ketika itu) telah meluluskan pembangunan sistem ePerolehan Baharu secara rundingan terus dengan Syarikat 486495V. Pelaksanaan kontrak adalah melalui konsesi dengan kaedah *Outsourcing of Services* (OOS) untuk tempoh 15 tahun bermula 5 Disember 2012 hingga 4 Disember 2027. Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani pada 5 Disember 2012. Bagaimanapun, tempoh konsesi tersebut ditambah selama dua (2) tahun sehingga tahun 2029 apabila tarikh *go-live* sistem ePerolehan Baharu ditangguhkan dari 1 Januari 2015 ke 1 Januari 2018. Perincian kos projek berjumlah RM1.83 bilion adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KOS KONTRAK SISTEM ePEROLEHAN BAHARU

BIL.	PERIHAL	KOS (RM Juta)
1.	Fasa Pembangunan (CAPEX)	
	a. <i>Hardware</i>	53.02
	b. <i>Software</i>	117.93
	c. Lain-lain Operasi	1.43
	d. Pentadbiran Am	0.53
	JUMLAH	172.91

BIL.	PERIHAL	KOS (RM Juta)
2.	Fasa Operasi (OPEX)	
	a. Perbelanjaan Modal	140.67
	b. Kos Penyenggaraan	344.98
	c. Perbelanjaan Operasi	1,172.43
	JUMLAH	1,658.08
	JUMLAH KESELURUHAN	1,830.99

Sumber: Kontrak Sistem ePerolehan Baharu


1.6. Di bawah kaedah OOS, kos pembangunan dan pelaksanaan sistem ePerolehan Baharu ditanggung oleh kontraktor, manakala kontraktor diberi hak untuk memungut pembayaran fi dalam tempoh konsesi selama 17 tahun dari tarikh *go-live*. Berdasarkan surat Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) kepada MoF bertarikh 10 Oktober 2007, projek ini tidak mengikut konsep *Public Private Partnership* (PPP). UKAS berpandangan projek ePerolehan berasaskan teknologi maklumat (ICT) seumpama ini tidak sesuai dilaksanakan secara PPP yang melibatkan konsesi yang panjang serta tidak mendapat *value for money* berdasarkan teknologi yang sering berubah dengan pantas.

1.7. Objektif utama sistem ePerolehan Baharu adalah seperti berikut:

- membolehkan pembekal menawarkan produk dan perkhidmatan kepada Kerajaan melalui internet;
- bertindak sebagai medium alternatif untuk para pembekal mendaftar atau memperbaharui Sijil Kementerian Kewangan; dan
- mampu menjimatkan kos, masa dan tenaga apabila konsep *paperless* atau bebas kertas diaplikasikan sepenuhnya.

1.8. Arkitektur sistem ePerolehan Baharu adalah seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
ARKITEKTUR SISTEM ePEROLEHAN BAHARU



Sumber: Taklimat sistem ePerolehan Baharu kepada Jabatan Audit Negara pada 25 Oktober 2018

Nota: GPKI - *Government Public Key Infrastructure*

SPKI - *Supplier's Public Key Infrastructure*

KKM - Kementerian Kesihatan Malaysia

1.9. Sistem ePerolehan Baharu mempunyai lima (5) Modul Utama dan 10 Modul Sokongan seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
MODUL-MODUL SISTEM ePEROLEHAN BAHARU

BIL.	MODUL	KETERANGAN
MODUL UTAMA		
1.	Pengurusan Pembekal	Proses pendaftaran pembekal dengan MoF
2.	Perancangan Perolehan	Agensi merancang perolehan dan perbelanjaan
3.	Pemilihan Pembekal	Proses pemilihan pembekal sama ada melalui pembelian terus, sebut harga atau tender
4.	Pengurusan Kontrak	Pentadbiran kontrak agensi dengan pembekal
5.	Pemenuhan	Proses pesanan dan bayaran melalui pengeluaran permintaan, pesanan Kerajaan, pesanan penghantaran dan invoice
MODUL SOKONGAN		
1.	Pengurusan Profil	Pengurusan semua profil dan data dalam sistem ePerolehan Baharu termasuk tetapan (<i>setting</i>) berkaitan sistem dan polisi
2.	Pengurusan Katalog	Kemudahan kepada pembekal untuk memasarkan produk kepada agensi
3.	Pengurusan Pembelajaran	Modul permohonan kursus dan pembelajaran secara atas talian
4.	Audit	Laporan, diari pengesanan dan jejak audit berkaitan semua transaksi dalam sistem ePerolehan Baharu
5.	<i>Business Intelligence</i>	Laporan berkaitan perolehan secara dinamik meliputi laporan secara <i>descriptive</i> dan <i>predictive</i>

BIL.	MODUL	KETERANGAN
6.	<i>Document Repository</i>	Pengurusan <i>template</i> dokumen kontrak dan storan dokumen yang dimuat naik semasa proses perolehan
7.	<i>Coding Management</i>	Kod standard digunakan untuk mengekalkan keseragaman dan integriti data di seluruh sistem dan semua sistem luaran yang akan diintegrasikan dengan sistem ePerolehan Baharu
8.	Portal	Platform web portal untuk membina laman web dan aplikasi web yang menyediakan rupa bentuk yang konsisten dengan kawalan akses untuk pelbagai aplikasi
9.	<i>Integration to Internal and External Systems</i>	Rangka kerja integrasi yang standard dengan sistem dalaman dan luaran
10.	SPKI dan GPKI	Menyediakan tahap keselamatan maksimum semasa mengakses aplikasi kepada pembekal dan Kerajaan

Sumber: Kontrak sistem ePerolehan Baharu

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan sistem ePerolehan Baharu telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif berikut:

- membolehkan pembekal menawarkan produk dan perkhidmatan kepada Kerajaan melalui internet;
- bertindak sebagai medium alternatif untuk para pembekal mendaftar atau memperbaharui Sijil Kementerian Kewangan; dan
- mampu menjimatkan kos, masa dan tenaga apabila konsep *paperless* atau bebas kertas diaplikasikan sepenuhnya.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan sistem ePerolehan Baharu. Prestasi pembangunan sistem dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*.

- Pencapaian output merangkumi prestasi pembangunan sistem ePerolehan Baharu semasa Fasa Pembangunan dan Fasa Operasi.
- Pencapaian *outcome* berdasarkan keberkesanan penggunaan sistem ePerolehan Baharu oleh pengguna, tahap kebolehpercayaan (*reliability*) sistem, data yang lengkap serta pengurusan *Identifier* Pengguna (ID) dan peranan pengguna.

3.2. Pengurusan pembangunan sistem merangkumi prestasi kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak dan pengurusan aduan berdasarkan Perjanjian Tahap Perkhidmatan [*Service Level Agreement* (SLA)].

3.3. Pengauditan telah dilaksanakan di BPK MoF, premis kontraktor dan 49 Pejabat Pusat Tanggungjawab (PTJ) di lapan (8) negeri iaitu Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan,

Pahang, Perak, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Pemilihan sampel adalah berdasarkan hasil analisis terhadap data ePerolehan Baharu berkaitan risiko ketidakpatuhan pengurusan perolehan Kerajaan seperti pecah kecil perolehan, tawaran harga yang tidak munasabah dan pengurusan aduan berdasarkan SLA yang kurang berkesan.

3.4. Semakan terhadap dokumen sistem ePerolehan Baharu meliputi tempoh 2013 hingga bulan Disember 2019, manakala analisis data dibuat dari tahun 2018 hingga bulan Disember 2019. Selain itu, pengauditan juga meliputi lima (5) Modul Utama dan tiga (3) dari 10 Modul Sokongan sistem ePerolehan Baharu.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat, dokumen kontrak di MoF, premis kontraktor dan PTJ. Selain itu, analisis data daripada sistem ePerolehan Baharu dan *walkthrough* sistem di MoF serta PTJ juga dilaksanakan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat, pengguna serta pembekal di 49 PTJ yang dilawati serta pemeriksaan fizikal terhadap aset yang diguna pakai turut dijalankan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Disember 2018 hingga Disember 2019. Perkara yang ditemui serta maklum balas BPK MoF telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) pada 15 Mei 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1 Prestasi Pembangunan Sistem

5.1.1. Pencapaian Output - Fasa Pembangunan

Merujuk kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ePerolehan [ePerolehan Steering Committee (ePSC)] Bil. 1/2018, pembangunan dan pelaksanaan sistem ePerolehan Baharu terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu Fasa Pembangunan dan Fasa Operasi.

Penilaian prestasi semasa Fasa Pembangunan sistem ePerolehan Baharu melibatkan penilaian terhadap pembangunan Modul Utama dan Modul Sokongan, pengujian dan migrasi data. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:


a. Pembangunan Modul Utama dan Modul Sokongan

- i. Klausula 4.1 kontrak menetapkan sistem ePerolehan Baharu perlu disiapkan sebelum atau pada 1 Januari 2015. Klausula tersebut turut menetapkan pembangunan dan ujian aplikasi, perkakasan, migrasi data, penggunaan dan

pelancaran serta pengurusan perubahan dilaksanakan ketika Fasa Pembangunan sistem.

- ii. Berdasarkan Mesyuarat JPMKI Bil. 8/2014 bertarikh 21 November 2014, kelulusan penangguhan pelaksanaan sistem telah diberikan dari 1 Januari 2015 kepada 1 Januari 2016 atau sehingga sistem beroperasi sepenuhnya. Semakan Audit mendapati sistem gagal untuk *go-live* pada 1 Januari 2015 disebabkan pengujian sistem belum dilaksanakan iaitu *Functional Test* (FT) dan *System Integration Test* (SIT), *User Acceptance Test* (UAT), Latihan Pengguna, *Operational Readiness Test* (ORT) serta *Performance and Security Test*.
- iii. Seterusnya, **sistem juga gagal untuk *go-live* pada 1 Januari 2016 dan 1 Januari 2017** disebabkan **ketidaksediaan *Integrated Government Financial and Management Accounting System* (iGFMAS)**, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Sistem ini **perlu dilaksanakan serentak dengan iGFMAS supaya proses integrasi dapat dibuat untuk tujuan bayaran dan bagi memenuhi keperluan perakaunan akruan. Sistem ePerolehan Baharu hanya *go-live* pada 1 Januari 2018**, iaitu lewat tiga (3) tahun daripada perancangan asal. Butiran lanjut penangguhan *go-live* sistem ini adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
PENANGGUHAN GO-LIVE SISTEM ePEROLEHAN BAHARU



Sumber: Rekod Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF

Nota: Tangguh Pertama, Kedua dan Ketiga dengan Kelulusan Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan I Bil. 8/2014 Bertarikh 21 November 2014

- iv. Semakan Audit berhubung prestasi pembangunan Modul Utama dan Modul Sokongan sistem ePerolehan Baharu mendapati kesemua lima (5) Modul Utama telah siap dibangunkan sebelum *go-live*. Bagaimanapun bagi Modul Sokongan, hanya lapan (8) daripada 10 modul sahaja telah siap dibangunkan sebelum *go-live*. Modul Sokongan iaitu Modul Audit bagi sub modul Jejak Audit dan Laporan belum siap dibangunkan, manakala modul *Business Intelligence* perlu dibangunkan semula kerana terdapat perubahan dasar Kerajaan. Status pembangunan Modul Utama dan Modul Sokongan adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PEMBANGUNAN MODUL UTAMA DAN MODUL SOKONGAN

BIL.	MODUL	PEMBANGUNAN MODUL			CATATAN
		STATUS	TARIKH PATUT SIAP (KONTRAK)	TARIKH SIAP SEBENAR SELEPAS KELULUSAN PENANGGUHAN	
MODUL UTAMA					
1.	Pengurusan Pembekal	Siap	31 Disember 2014	5 Ogos 2016	-
2.	Perancangan Perolehan	Siap		7 April 2016	-
3.	Pemilihan Pembekal	Siap			-
4.	Pengurusan Kontrak	Siap			-
5.	Pemenuhan	Siap		5 Ogos 2016	-
MODUL SOKONGAN					
1.	Pengurusan Profil	Siap	31 Disember 2014	7 April 2016	-
2.	Pengurusan Katalog	Siap		-	
3.	Pengurusan Pembelajaran	Siap		16 Jun 2014	-
4.	Audit	Belum Siap		-	- Sebelum <i>go-live</i> hanya sub modul Diari Pengesanan telah disiapkan pada 7 April 2016 - Pembangunan sub modul Jejak Audit dan Laporan dibawa ke Fasa Operasi - Jangkaan siap pada 30 Jun 2021
5.	<i>Business Intelligence</i>	Dibangunkan semula kerana perubahan dasar Kerajaan		-	- Dibawa ke Fasa Operasi - Sehingga 15 Mei 2020, status pembangunan adalah sebanyak 45% - Jangkaan siap pada 31 Disember 2020
6.	<i>Document Repository</i>	Siap		7 April 2016	-
7.	<i>Coding Management</i>	Siap		-	
8.	Portal	Siap		5 Ogos 2016	-
9.	<i>Integration to Internal and External Systems</i>	Siap		7 April 2016	- Integrasi dengan sistem MyCOID dan MyGPIS telah selesai pada bulan Januari 2020 - Integrasi dengan <i>Electronic Government Procurement Application</i> (eGPA) dibawa ke Fasa Operasi
10.	SPKI dan GPKI	Siap		19 Ogos 2016	-

Sumber: Rekod Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF serta Minit Mesyuarat ePSC Bil. 1/2016 dan 2/2016

- v. Semakan Audit selanjutnya terhadap status pembangunan Modul *Business Intelligence* mendapati modul tersebut telah dibawa ke Fasa Operasi dan dijangka akan disiapkan pada 31 Disember 2020.
- vi. Bagi pembangunan Modul Audit pula, penjelasan adalah seperti berikut:
 - *Appendix 3 Scope of Development Works* menyatakan Modul Audit menyediakan platform untuk Juruaudit atau pengguna generik (berkaitan dengan urus niaga) untuk melihat, mengesan dan memantau aktiviti perolehan dalam sistem serta memastikan bahawa dasar dan prosedur Kerajaan dipatuhi. Semua tindakan yang dibuat akan direkodkan dalam sistem untuk pengesanan dokumen dan proses. Terdapat tiga (3) sub modul dalam Modul Audit iaitu Diari Pengesanan, Jejak Audit dan Laporan seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KANDUNGAN MODUL AUDIT

BIL.	SUB MODUL	KETERANGAN
1.	Diari Pengesanan	Merekodkan aktiviti atau tindakan yang dilakukan oleh pengguna kepada dokumen secara automatik dengan tarikh dan masa yang betul
2.	Jejak Audit	Merekodkan aktiviti pengguna yang membuat perubahan kepada medan rekod (menambah, mengemas kini atau memadam) secara automatik
3.	Laporan	Mekanisme untuk membolehkan Juruaudit menghasilkan laporan piawai atau laporan dinamik

Sumber: Functional Requirements Blueprint, Modul Audit

- Semakan Audit mendapati sub modul Diari Pengesanan telah digunakan. Bagaimanapun, sub modul Jejak Audit dan Laporan yang sepatutnya disiapkan pada 31 Disember 2014 masih dalam pembangunan dan dijangka akan disiapkan pada 30 Jun 2021.

Maklum balas MoF yang diterima pada 16 November 2020

Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF telah memutuskan untuk membangunkan modul-modul utama dan menambah baik *defect* yang lebih memberi impak kepada pengguna sistem ePerolehan Baharu yang merupakan teras kepada pelaksanaan proses perolehan Kerajaan. Pembangunan modul sokongan telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah penambahbaikan Fasa Operasi yang akan disiapkan seperti berikut:

- Modul *Business Intelligence* – 31 Disember 2020; dan
- Modul Audit (Jejak Audit dan Laporan) – 30 Jun 2021.

Pendapat Audit | Prestasi pembangunan sistem adalah kurang cekap kerana terdapat dua (2) Modul Sokongan yang gagal disiapkan walaupun terdapat tiga (3) kali pelanjutan masa.

b. Pengujian

Klausa 4.3 *Scope of Development Works* menyatakan kontraktor hendaklah melaksanakan pengujian terhadap sistem ePerolehan Baharu bagi tujuan pematuhan fungsi (*functional compliance*) dan kesediaan pengguna (*deployment readiness*). Klausa 1.1.3 Appendix 3 (*Application Test*) pula menyatakan pengujian sistem merangkumi *Component Test* (CT), *Functional Test* (FT), *System Integration Test* (SIT) dan *User Acceptance Test* (UAT). Selain itu, Klausa 1.1.4 Appendix 3 (*Technical Test*) menyatakan keperluan pengujian termasuk *Performance Test* sebelum sistem *go-live*. Semakan Audit berhubung UAT dan *Performance Test* yang dilaksanakan mendapati perkara seperti berikut:

i. *User Acceptance Test* (UAT)

UAT telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali, iaitu bagi *go-live* bulan Januari 2017 dan *go-live* pada 1 Januari 2018. UAT telah dilaksanakan bagi kesemua lima (5) Modul Utama, lapan (8) Modul Sokongan dan integrasi sistem dari 13 Jun 2017 hingga 15 Disember 2017. Selain itu, UAT telah dijalankan secara berasingan bagi Modul *Business Intelligence* dan Modul Pengurusan Pembelajaran.

• UAT bagi Modul Utama, Modul Sokongan dan Integrasi Sistem

- Berdasarkan *UAT 2017 Closure Report Version 1.0* Disember 2017, kontraktor dan BPK MoF telah mengumpul sebanyak 935 *System Investigation Report* (SIR) hasil daripada pengujian tersebut. Antaranya adalah mengenai *defect*, *clarification*, *cosmetic* dan penambahbaikan. Rumusan bilangan SIR adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
RUMUSAN BILANGAN *SYSTEM INVESTIGATION REPORT*
SEMASA *USER ACCEPTANCE TEST*

BIL.	UAT	TARIKH PENGUJIAN	BILANGAN SIR	JUMLAH SIR
1.	eP-eSPKB	4 Julai - Oktober 2017	<i>Functional</i> - 508 <i>Non-Functional</i> - 11	519
2.	eP-iGFMAS	27 Julai - November 2017	<i>Functional</i> - 413 <i>Non-Functional</i> - 3	416
JUMLAH				935

Sumber: User Acceptance Test (UAT) 2017 Closure Report Version 1.0 Disember 2017

- Semakan Audit mendapati SIR telah ditutup dan UAT telah diluluskan oleh pegawai BPK Gred 54 dan ke atas pada 31 Disember 2017.

- **UAT Modul Pengurusan Pembelajaran dan Modul *Business Intelligence***
 - Pengujian UAT bagi Modul Pengurusan Pembelajaran telah dibuat pada 16 Jun 2014 melibatkan 52 senario dan didapati lulus kesemuanya.
 - Modul *Business Intelligence (Cycle 1)* telah diuji pada 27 Oktober hingga 4 November 2014 melibatkan 101 senario dan lulus 93%. Modul tersebut telah diuji semula pada 6 Februari 2015 serta didapati telah lulus dan selesai. Bagaimanapun, modul *Business Intelligence* perlu dibangunkan semula kerana terdapat keperluan baharu dan proses kerja berubah yang menyebabkan perubahan kepada struktur data. Keputusan ini dibuat semasa mesyuarat ePSC Bil. 3/2016. Modul *Business Intelligence* dijangka siap pada 31 Disember 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KEPUTUSAN USER ACCEPTANCE TEST BAGI
MODUL *BUSINESS INTELLIGENCE* DAN PENGURUSAN PEMBELAJARAN

BIL.	MODUL	TARIKH PENGUJIAN	SENARIO	STATUS PERCUBAAN	HASIL PENGUJIAN	CATATAN
1.	<i>Business Intelligence (Cycle 1)</i>	27 Okt. – 4 Nov. 2014	101	94	93% lulus	7 gagal (7%)
	Ujian Semula	6 Februari 2015	7	7	100% lulus	-
	Pembangunan baharu bagi modul <i>Business Intelligence</i> kerana terdapat keperluan baharu dan proses kerja berubah yang menyebabkan perubahan kepada struktur data. Jangkaan siap pada 31 Disember 2020.					
2.	Pengurusan Pembelajaran	16 Jun 2014	52	52	100% lulus	Selesai

Sumber: User Acceptance Test, Certificate of Acceptance

Pendapat Audit | **Proses pengujian UAT untuk Modul Utama dan Modul Sokongan telah dilaksanakan dengan lengkap.**

ii. *Performance Test*

- *Performance Test* merangkumi *baseline test*, *load test*, *soak test* dan *stress test*. *Performance Test* telah dilaksanakan pada 3 hingga 13 Oktober 2017. Selain itu, ujian semula telah dilaksanakan antara 13 hingga 17 November 2017. Hasil rumusan pelaksanaan *Performance Test* dan pelaksanaan pengujian semula adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
RUMUSAN PELAKSANAAN *PERFORMANCE TEST*

BIL.	BUTIRAN	<i>BASLINE TEST</i>	<i>LOAD TEST</i>	<i>SOAK TEST</i>	<i>STRESS TEST</i>
1.	Tarikh Pelaksanaan	3 & 4 Okt. 2017	5 & 6 Okt. 2017	11 - 13 Okt. 2017	9 & 10 Okt. 2017
2.	Bil. <i>Test/Scenario</i>	27 <i>Scenarios</i>	3 <i>Test</i>	3 <i>Test of 23-hours cycle</i>	3 <i>Test</i>
3.	Hasil Pelaksanaan	22 Lulus/ 5 Gagal	3 <i>Test completed with errors</i> dengan sasaran kualiti melebihi 85%	3 <i>Test of 23-hours cycle with errors</i> dengan sasaran kualiti melebihi 85%	3 <i>Test completed with errors</i> dengan sasaran kualiti melebihi 85%
4.	Tarikh Pengujian Semula	16 & 17 Nov. 2017	13, 15 & 17 Nov. 2017	17 Nov. 2017	-
5.	Bil. <i>Test/Scenario</i>	9 <i>Scenarios</i>	3 <i>Test</i>	1 <i>Test of 23-hours cycle</i>	-
6.	Hasil Pengujian	9 Selesai	3 <i>Test completed with errors</i> dengan sasaran kualiti melebihi 85%	1 <i>Test completed with errors</i> dengan sasaran kualiti melebihi 85%	-
7.	Status	Selesai	Selesai	Selesai	Selesai

Sumber: Performance Test Report 2017, Baseline 1.0 December 2017

- Nota:
- *Baseline test* – ujian untuk menyemak *response time* sistem.
 - *Load test* – untuk menguji purata *production workload*.
 - *Soak test* – untuk menguji sistem *abnormalities* apabila berlakunya *continuous load* dalam tempoh tertentu.
 - *Stress test* – untuk menguji capaian di waktu puncak.

- Berdasarkan *Performance Test Report 2017*, terdapat *error* yang berlaku di *load test*, *soak test* dan *stress test* tetapi tidak mengganggu fungsi sistem ePerolehan Baharu. Pengujian dianggap selesai kerana keputusan melebihi 85% sasaran kualiti.
- MoF memaklumkan hasil pelaksanaan bagi *Performance Test* yang melibatkan *error* telah direkodkan dalam sistem *Redmine*. *Redmine* adalah *tool* untuk merekod dan memantau semua log aduan (*bug*) serta penambahbaikan sistem ePerolehan Baharu.
- Sijil *Performance Test* telah dikeluarkan dan disahkan oleh pegawai BPK Gred 54 dan ke atas pada 31 Disember 2017. Selain itu, berdasarkan laporan Forensik Prestasi sistem ePerolehan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), keputusan *stress test* bagi keupayaan sistem ePerolehan Baharu adalah minima 60 pengguna per minit dan terdapat peningkatan 13 kali ganda menjadi 800 pengguna per minit semasa sesi pengujian dilaksanakan.

Pendapat Audit | **Proses pengujian UAT dilaksanakan dengan berkesan dan *Performance Test* telah dilaksanakan secara holistik sebelum sistem *go-live*.**

c. Migrasi

- i. Klausula 4.3 *Scope of Development Works* menghendaki supaya syarikat hendaklah menukar dan memindahkan data ke dalam sistem ePerolehan Baharu. Selain itu, *Appendix 3 Scope of Development Works* menyatakan data migrasi merangkumi aktiviti pembersihan data, *convert*, migrasi dan pengujian.
- ii. Migrasi data telah dilaksanakan sehingga Fasa (*Wave*) 10. Semakan Audit mendapati jumlah rekod bagi Modul *Contract* yang dinyatakan dalam *Data Reconciliation Report Wave 10* berbeza dengan jumlah rekod dalam sistem ePerolehan Baharu pada 31 Disember 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERBEZAAN JUMLAH REKOD BAGI MODUL *CONTRACT* ANTARA
SISTEM ePEROLEHAN LAMA DAN BAHARU

BIL.	TARGET TABLE	WAVE 10 - TARIKH KEMAS KINI 31.12.2017	DATA ePEROLEHAN SEHINGGA 31.12.2017	BEZA
1.	CT_WORKFLOW_STATUS	73,252	73,199	(53)
2.	CT_CONTRACT_ZONE_DTL	2,736	2,735	(1)
3.	CT_AGENCY	1,188,105	1,188,006	(99)
4.	CT_CONTRACT_ITEM	532,791	532,775	(16)
5.	CT_ITEM_PRICE	570,025	568,083	(1,942)
6.	CT_ITEM_MAX_QTY	565,373	613,934	48,561
7.	CT_ACTOR	143,004	142,980	(24)

Sumber: Data Reconciliation Report Wave 10, Baseline 1.0, Disember 2017 dan Data ePerolehan Baharu

Maklum balas MoF yang diterima pada 16 November 2020

Berdasarkan dokumen *Wave 10*, laporan mengenai migrasi data daripada sistem ePerolehan lama ke sistem ePerolehan Baharu telah menerangkan punca pengurangan atau lebihan data yang dikenal pasti. Perbezaan bilangan rekod adalah disebabkan terdapat transaksi yang masih dijalankan oleh PTJ selepas tarikh *cut-off* bagi setiap *Wave* menyebabkan berlaku pertambahan bilangan rekod. Terdapat juga pengurangan bilangan atas sebab-sebab perubahan pada sumber data asal semasa proses migrasi berlaku berbeza semasa pengiraan awal yang direkodkan.

Pendapat Audit | Proses migrasi adalah kurang teliti kerana terdapat perbezaan data selepas migrasi ke sistem ePerolehan Baharu. Keadaan ini menjejaskan kesahihan dan ketepatan rekod untuk memastikan tiada duplikasi data atau kehilangan data.

5.1.2. Pencapaian Output - Fasa Operasi

Selepas Fasa Pembangunan, sistem ePerolehan Baharu mula digunakan oleh PTJ dalam Fasa Operasi. Output dalam Fasa Operasi merangkumi aktiviti penambahbaikan, *enhancement* atau *change request* apabila terdapat keperluan segera oleh agensi Kerajaan melibatkan dasar, peraturan dan aliran kerja yang perlu ditambah baik. Fasa Operasi juga melibatkan pindaan data sekiranya berlaku kesilapan ketika PTJ mengunci masuk data, *overwrite rules* yang disediakan dalam sistem dan pembetulan disebabkan perubahan dasar Kerajaan. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. *Enhancement* atau *Change Request*

- i. Klausa 4.3 kontrak menyatakan keperluan *enhancement* atau *change request* boleh dilaksanakan secara *case-by-case* apabila terdapat cadangan penambahbaikan daripada pengguna. Keperluan *enhancement* atau *change request* ini dilaksanakan dalam Fasa Operasi secara berperingkat.
- ii. Berdasarkan Minit Mesyuarat ePSC Bil. 1/2019, Modul Utama yang memerlukan *enhancement* adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERANCANGAN DAN STATUS PELAKSANAAN MODUL UTAMA

BIL.	FASA OPERASI	BILANGAN ENHANCEMENT	TEMPOH SELESAI	BILANGAN BELUM SELESAI
1.	Release 1 (R1)	103	31 Disember 2018 - 1 April 2019	11
	<i>Contract Management, Direct Purchase, Fulfilment, Payment Gateway, Quotation/Tender, Report - Quotation/Tender, Report - Supplier Management, SPKI - eP dan Supplier Management</i>			
2.	Release 2 (R2)	62	April - Jun 2019	14
	<i>Contract Management, Direct Purchase, Fulfilment, Procurement Plan, Quotation/Tender, Report - Direct Purchase, Report - Procurement Plan, Report - Quotation/Tender, Report - Supplier Management</i>			
3.	Release 3 (R3)	58	Julai - September 2019	36
	<i>Contract Management, Direct Purchase, Fulfilment, Procurement Plan, Quotation/Tender, Report - Procurement Plan, Report - Quotation/Tender, Report - Supplier Management, Supplier Management dan Tracking Diary – Direct Purchase</i>			
4.	Release 4 (R4)	26	Oktober - Disember 2019	24
5.	Release 5 (R5)	Item belum dikenal pasti untuk dimuktamadkan	Januari - Mac 2020	-
6.	Release 6 (R6)		April - Jun 2020	-
7.	Release 7 (R7)		Julai - September 2020	-
8.	Release 8 (R8)		Oktober - Disember 2020	-

Sumber: Minit Mesyuarat ePSC Bil. 1/2019 dan Mesyuarat Status Item Fasa Operasi

- iii. Berdasarkan **Jadual 9**, didapati 85 item belum selesai. Kesemua item yang belum selesai ini akan dibawa ke *release* seterusnya. Selain itu, item *change request* bagi R5 hingga R8 masih belum dikenal pasti untuk dimuktamadkan.

b. Integrasi dan *Enhancement* Item yang Dibangunkan Secara Berasingan

- i. Semakan Audit selanjutnya mendapati lima (5) item yang berasingan telah dikenal pasti untuk dibangunkan dalam Fasa Operasi. Dua (2) item telah selesai pada bulan Januari 2020 iaitu integrasi ePerolehan-MyCoID dan integrasi ePerolehan-MyGPIS. Sistem ePerolehan Baharu tidak berintegrasi dengan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan kerana ianya merupakan salah satu penambahbaikan (*enhancement* atau *change request*) yang akan dibangunkan di dalam Fasa Operasi dan dijangka siap pada tahun 2020.
- ii. Pelaksanaan *United Nations Standard Products and Services Code* (UNSPSC) *Mapping* dengan kod bidang ditangguhkan kerana Kerajaan Malaysia masih lagi dalam tempoh ratifikasi perjanjian The Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership.
- iii. Integrasi ePerolehan-eGPA belum dimulakan kerana skop atau hala tuju proses sistem eGPA memerlukan keputusan daripada Sektor Dasar Perolehan Kerajaan atau Sektor Operasi BPK terlebih dahulu. Lantikan vendor untuk penambahbaikan sistem eGPA juga belum dimulakan. Spesifikasi keperluan asal kedua-dua sistem juga telah berubah berikutan perubahan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 dan 2019. Butiran mengenai perancangan integrasi dan status *enhancement* item yang dibangunkan secara berasingan adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERANCANGAN INTEGRASI DAN STATUS *ENHANCEMENT* ITEM
YANG DIBANGUNKAN SECARA BERASINGAN

BIL.	INTEGRASI/ <i>ENHANCEMENT</i>	PEMILIK	MESYUARAT STATUS ITEM FASA OPERASI (TARIKH JANGKA SIAP)	TARIKH <i>GO-LIVE</i> / STATUS
1.	ePerolehan-MyCoID	Suruhanjaya Syarikat Malaysia	1 Januari 2020	11 Januari 2020
2.	ePerolehan-MyGPIS	MoF	1 Januari 2020	7 Januari 2020
3.	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	2020	Dalam pembangunan dan dijangka siap dalam tahun 2020
4.	UNSPSC <i>Mapping</i> dengan kod bidang	MoF	2020	Pelaksanaan ditangguhkan
5.	ePerolehan-eGPA	MoF	2020	Belum mula

Sumber: Mesyuarat Status Item Fasa Operasi

Maklum balas MoF yang diterima pada 25 Februari dan 13 Mei 2020

Perancangan mengenai pelaksanaan Fasa Operasi belum dimuktamadkan sepenuhnya. Perbincangan untuk mengenal pasti keperluan telah diadakan melalui Bengkel Perbincangan Keperluan untuk Pembangunan sistem ePerolehan Fasa Operasi Tahun 2020 yang diadakan sebanyak empat (4) siri.

Pendapat Audit | **Pelaksanaan *enhancement* atau *change request* adalah memuaskan bagi tujuan penambahbaikan operasi sistem.**

c. Pindaan Data

- i. Berdasarkan surat BPK MoF kepada kontraktor bertarikh 15 Ogos 2018, pindaan data dibuat oleh kontraktor selepas permohonan rasmi dikemukakan oleh Ketua Jabatan dan diluluskan oleh BPK MoF. Kelulusan pindaan data yang diberikan adalah disebabkan kesilapan pengguna atau kekangan sistem. Contoh pindaan data adalah seperti berikut:
 - kesilapan ketika PTJ mengunci masuk data;
 - *overwrite rules* yang disediakan dalam sistem; dan
 - pembetulan disebabkan perubahan dasar Kerajaan [Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan *Sales and Service Tax*].
- ii. Setiap permohonan pindaan data perlu dikunci masuk ke dalam Sistem Aduan (sistem berasingan di luar sistem ePerolehan Baharu) oleh PTJ. Timbalan Setiausaha BPK atau Ketua Seksyen Perolehan Kerajaan, Seksyen Pemantauan, Penyelarasan dan Pendaftaran berperanan untuk meluluskan permohonan pindaan data. Setelah diluluskan permohonan tersebut, kontraktor akan membuat pindaan data secara terus di pangkalan data.
- iii. Hasil semakan Audit mendapati sebanyak 767 kes pindaan data seperti dalam **Jadual 11** telah diluluskan oleh Timbalan Setiausaha BPK melibatkan 22 Kementerian/Jabatan bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 30 November 2019. Kesemua permohonan pindaan data tersebut adalah disebabkan kesilapan pengguna mengunci masuk tarikh, amaun, pelanjutan, jenis pemenuhan dan juga atas sebab masalah teknikal iaitu amaun CBP berganda. Semakan Audit juga mendapati semua aktiviti kontraktor terhadap pindaan yang dibuat kepada pangkalan data direkodkan secara manual kerana mekanisme kawalan dalaman secara elektronik tidak disediakan dalam sistem. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
STATISTIK PINDAAN DATA PADA 1 JANUARI 2018
SEHINGGA 1 DISEMBER 2019

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	TAHUN		JUMLAH KESELURUHAN
		2018	2019	
1.	Jabatan Perdana Menteri	10	60	70
2.	Kementerian Kewangan	16	22	38
3.	Kementerian Dalam Negeri	24	66	90
4.	Kementerian Pertahanan	5	32	37
5.	Kementerian Pengangkutan	0	18	18
6.	Kementerian Pendidikan Malaysia	52	87	139
7.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	5	10	15
8.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	0	13	13
9.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	7	27	34
10.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	2	2	4
11.	Kementerian Sumber Manusia	3	11	14
12.	Kementerian Kesihatan Malaysia	27	147	174
13.	Kementerian Luar Negeri	2	2	4
14.	Kementerian Wilayah Persekutuan	1	3	4
15.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	5	16	21
16.	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	6	12	18
17.	Kementerian Belia dan Sukan	0	3	3
18.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	0	2	2
19.	Kementerian Kerja Raya	2	15	17
20.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	11	30	41
21.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	7	8
22.	Kementerian Pembangunan Usahawan	1	2	3
JUMLAH		180	587	767

Sumber: Fail Perubahan Data, MoF

Maklum balas MoF yang diterima pada 25 Februari dan 21 Mei 2020

Pindaan data pada sistem ePerolehan Baharu dipantau dan dibentangkan melalui Mesyuarat Operasi mengikut modul. Modul Jejak Audit tidak disediakan buat masa ini. Bagaimanapun, semua pindaan data tersebut direkodkan secara manual.

Untuk mengelakkan manipulasi data, MoF telah mengeluarkan surat prosedur kepada kontraktor bertarikh 15 Ogos 2018 memaklumkan prosedur yang perlu dipatuhi oleh PTJ sekiranya pindaan data perlu dibuat di dalam sistem ePerolehan Baharu. Pindaan data oleh kontraktor hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan MoF. Permohonan dan kelulusan perubahan data dicetak dan direkodkan di dalam fail secara manual di MoF. Semua proses perubahan data sistem ePerolehan Baharu juga direkodkan secara manual oleh kontraktor melalui borang *Change and Release*

Request Form. Kedua-dua perkara di atas disediakan untuk tujuan rekod dan juga tujuan audit untuk mengelakkan risiko manipulasi data.

Kontraktor juga adalah tertakluk dan perlu mematuhi ISO 27001 berkenaan prosedur *Information Security Management System* (ISMS) termasuk pegawai dan kakitangan kontraktor yang dilantik perlu lulus Tapisan Keselamatan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia melalui sistem *e-Vetting*.

Pendapat Audit | Kawalan secara manual dalam perubahan atau pindaan data mendedahkan risiko manipulasi data ePerolehan Baharu diperingkat PTJ, BPK MoF dan kontraktor terutamanya kawalan ID yang kurang efektif dan ketiadaan jejak audit. Peranan untuk perubahan atau pindaan data tidak seharusnya diberi kepada pihak kontraktor.

5.1.3. Pencapaian *Outcome* – Keberkesanan Penggunaan Sistem ePerolehan Baharu

Pencapaian *outcome* sistem ePerolehan Baharu dinilai berdasarkan keberkesanan penggunaan sistem oleh pengguna, kebolehpercayaan (*reliability*) sistem, data yang lengkap dan pengurusan profil. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Modul Pengurusan Katalog

- i. Katalog elektronik adalah repositori yang mengandungi senarai produk atau perkhidmatan berdasarkan sistem kodifikasi unik. Item yang terdapat dalam katalog menggunakan format standard yang mematuhi kodifikasi UNSPSC. Pembekal membuat dan menyiarkan barang-barang bersama dengan harga standard, tarikh mula dan tarikh akhir, zon dan harga promosi yang mereka tawarkan dalam kandungan katalog untuk barangan tidak berkontrak.
- ii. Katalog elektronik dapat membantu PTJ membuat keputusan pembelian yang lebih baik. Bagi aktiviti perolehan berjumlah kurang daripada RM20,000, pengguna PTJ boleh melakukan perbandingan harga bagi kod atau jenis item yang sama dengan melihat harga berperingkat, harga zon, harga peringkat zon atau harga promosi yang berkenaan. Dengan maklumat ini, PTJ dapat melakukan carian katalog untuk item yang mereka ingin perolehi.
- iii. Analisis Audit terhadap data ePerolehan dalam Modul Pengurusan Katalog mendapati perkara seperti berikut:

- **Pembekal Menawarkan Perolehan Kerja**

Sistem ePerolehan Baharu dibangunkan untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding sahaja tanpa mengambil kira perolehan kerja. Analisis Audit mendapati 320 item adalah perolehan kerja dengan harga seunit antara RM100,000 dan RM17.000 bilion.

- **Tawaran Harga yang Tidak Munasabah Dalam Katalog**

Sistem ePerolehan Baharu tidak menyediakan pengesahan sebagai kawalan sebelum harga ditawarkan. Semakan Audit mendapati harga yang ditawarkan oleh pembekal bagi 1,363,725 item tidak munasabah, iaitu RM-0.25, RM0.00 dan RM0.01 hingga RM0.04. Hal ini menunjukkan harga yang ditawarkan bukan harga sebenar dan menyukarkan pengguna dari PTJ mendapatkan harga terbaik bagi item yang ditawarkan. Tindakan ini memberikan kesan kepada Kerajaan dari segi kos dan masa kerana pengguna di PTJ perlu mendapatkan sebut harga daripada pembekal melalui pelawaan tawaran harga bagi mendapatkan harga yang lebih tepat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
HARGA DITAWARKAN TIDAK MUNASABAH

BIL.	HARGA (RM)	BILANGAN ITEM
1.	-0.25	1
2.	0.00	1,323,517
3.	0.01 hingga 0.04	40,207
JUMLAH		1,363,725

Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Sistem ePerolehan Baharu

Maklum balas MoF yang diterima pada 21 Mei dan 16 November 2020

Berdasarkan definisi Perolehan Kerajaan dalam Pekeliling Perbendaharaan (PP) PK 1.1 (Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan), fungsi dalam Modul Pengurusan Katalog perlu membenarkan pembekal memasukkan perkhidmatan kerja di bawah kategori item perkhidmatan.

Selain itu, item perkhidmatan juga boleh digunakan dalam perolehan kerja dan juga perolehan perkhidmatan. Sebagai contoh item pendingin hawa, skop pemasangan pendingin hawa yang berkapasiti rendah, sederhana atau *split unit* boleh dibuat sebagai perolehan perkhidmatan. Sebaliknya bagi pemasangan pendingin hawa yang berkapasiti tinggi atau *centralised aircond* yang memerlukan pecah struktur bangunan, ia perlu dibuat sebagai perolehan kerja.

Hasil semakan lanjut ke atas 1,323,517 data item yang berharga RM0.00 mendapati data-data tersebut berada di dalam beberapa *mode* atau status berbeza seperti

Publish, Draft, Approved dan *Expired*. Berdasarkan semakan lanjut BPK MoF mendapati tidak ada data item berstatus *Publish* yang berharga negatif. Bagaimanapun, terdapat 108 data item yang berstatus *Publish* berharga RM0.00. Kontraktor akan membuat siasatan bagi mengenal pasti punca perkara ini berlaku memandangkan *price validation control* telah dibangunkan di dalam sistem ePerolehan Baharu.

Bagi item yang berharga RM0.01 hingga RM0.04 adalah penetapan harga yang ditentukan sendiri oleh pembekal. Tiada asas kawalan untuk menentukan harga tersebut adalah munasabah.

Nilai harga pada katalog tidak menyebabkan sebarang gangguan kepada sistem kerana pihak PTJ akan meminta harga sebenar daripada pihak pembekal sebelum sesuatu tawaran dikeluarkan.

Pendapat Audit | **Sistem ePerolehan Baharu yang dibangunkan kurang berkesan kerana item bagi perolehan kerja turut direkodkan dalam medan *item_name*. Selain itu, *price validation control* yang diwujudkan di dalam sistem didapati tidak efektif untuk mengenal pasti harga yang tidak munasabah, mengakibatkan maklumat yang dipaparkan kurang *reliable*.**

b. Modul Pemilihan Pembekal

- i. Kod kaedah perolehan direkodkan dalam Modul Pemilihan Pembekal berdasarkan Harga Indikatif Jabatan. Kod tersebut menentukan kaedah perolehan sama ada secara sebut harga atau tender. Bagi perolehan yang telah selesai, kod kaedah perolehan berdasarkan amaun kontrak akan direkodkan dalam Modul Pengurusan Kontrak.
- ii. Semakan Audit mendapati kod kaedah perolehan berbeza bagi kontrak di Modul Pemilihan Pembekal, *table* SC_QT dengan Modul Pengurusan Kontrak, *table* CT_CONTRACT. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada *exceptional report* disediakan dalam sistem atau indikator dalam *table* yang terlibat bagi menunjukkan perubahan tersebut.
- iii. MoF memaklumkan kod berbeza kerana terdapat perubahan perolehan yang dilaksanakan di PTJ iaitu dari tender ke sebut harga dan sebaliknya. MoF memaklumkan data yang menunjukkan kontrak *prefix* "Z" dan "M" merupakan kontrak dari sistem ePerolehan lama selepas migrasi ke sistem ePerolehan Baharu. Sistem ePerolehan lama tidak membuat semakan kemasukan data oleh pengguna.

- iv. Selain itu, sistem tidak menyediakan indikator apabila berlaku pindaan data. Kelemahan ini menyebabkan data yang dimasukkan dalam sistem ePerolehan Baharu, iaitu *prefix* "M" tidak menyatakan dengan jelas perubahan kaedah perolehan daripada rundingan terus ke sebut harga atau sebaliknya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KOD KAEDAH PEROLEHAN BERBEZA ANTARA MODUL PEMILIHAN PEMBEKAL, TABLE SC_QT DENGAN MODUL PENGURUSAN KONTRAK, TABLE CT_CONTRACT

BIL.	ID KONTRAK	NOMBOR KONTRAK	ID QT	MODUL PEMILIHAN PEMBEKAL		MODUL PENGURUSAN KONTRAK	
				KOD KAEDAH PEROLEHAN	TARIKH DICIPTA	KOD KAEDAH PEROLEHAN	TARIKH DICIPTA
1.	29404	Z0311020111120017	1181	Sebut harga	21.06.2013	Tender	21.07.2009
2.	13367	Z0111240101160004	914	Tender	22.05.2016	Sebut harga	31.07.2015
3.	34180	Z0191360000140007	166	Sebut harga	01.05.2014	Tender	13.03.2014
4.	30976	Z0143010200120095	311	Sebut harga	28.06.2013	Tender	10.04.2012
5.	26677	Z0281401010120002	1900	Sebut harga	23.07.2012	Tender	06.08.2009
6.	24959	Z0232010101120017	26	Sebut harga	30.08.2012	Tender	18.01.2010
7.	36655	Z0251154901170016	2054	Sebut harga	03.08.2017	Tender	05.06.2017
8.	52316	Z0114160000120007	306	Tender	29.11.2011	Sebut harga	26.08.2011
9.	62124	Z0291022202120001	1564	Sebut harga	13.10.2011	Tender	14.02.2011
10.	60764	Z0211220329120001	1930	Sebut harga	26.01.2012	Tender	04.10.2011
11.	67461	Z0251154901170021	1429	Sebut harga	29.09.2017	Tender	02.08.2017
12.	66036	Z0266100300170001	430	Sebut harga	22.01.2017	Tender	28.11.2016
13.	46337	Z0251154901170019	457	Sebut harga	23.08.2017	Tender	13.06.2017
14.	111242	M4160J701190001	199127	Rundingan terus	21.02.2019	Sebut harga	21.02.2019

Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Sistem ePerolehan Baharu

Maklum balas MoF yang diterima pada 21 Mei dan 16 November 2020

Sistem ePerolehan lama memperkenalkan proses mengkomputerkan pengurusan kontrak yang mana agensi dibenarkan untuk mencipta kontrak dengan mengunci masuk data di Modul Kontrak Kementerian. Data adalah bergantung kepada apa yang dikunci masuk oleh pengguna di dalam sistem ePerolehan lama atau *template* migrasi yang disediakan untuk tujuan migrasi data.

Pada pandangan MoF, perkara ini hanya melibatkan kontrak yang dimigrasi daripada sistem ePerolehan lama yang mana kontrak tersebut dikunci masuk oleh pengguna di PTJ. Bagaimanapun, isu ini tidak berlaku di dalam sistem ePerolehan Baharu. Bagi item nombor 14, di mana perubahan yang dilakukan adalah berdasarkan permohonan daripada PTJ dan perubahan ini direkodkan di dalam *Customer Relationship Management*.

Pendapat Audit | Proses migrasi data adalah kurang efektif mengakibatkan perubahan atau pindaan data tidak dapat dikenal pasti dengan jelas disebabkan ketiadaan indikator. Keadaan ini mengakibatkan integriti dan *reliability* data sukar dipastikan.

5.1.4. Pencapaian *Outcome* - Kebolehpercayaan (*Reliability*) Sistem

- Kebolehpercayaan sistem bermaksud sistem berkebolehan untuk mengesan ketidakpatuhan perolehan Kerajaan. Antara ketidakpatuhan perolehan Kerajaan adalah aktiviti pecah kecil perolehan dan melantik syarikat tanpa merujuk Kontrak Panel Berpusat yang disediakan dalam sistem ePerolehan Baharu.
- Berdasarkan PP PK 2.1 (Kaedah Perolehan Kerajaan) menyatakan agensi dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan daripada pelawaan secara sebut harga dan tender. Perolehan bagi had nilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak perlu dilaksanakan secara sebut harga mengikut tatacara sedia ada.
- Pihak Berkuasa Melulus adalah merupakan Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) seperti dalam peraturan sedia ada atau menubuhkan JKSH baharu untuk meluluskan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 yang dikenali sebagai JKSH B.
- Dalam sistem ePerolehan Baharu, notifikasi *pop-up* dipaparkan apabila jumlah nilai perolehan baharu dan nilai perolehan sebelum ini melebihi RM20,000. Bagaimanapun, pengguna masih boleh meneruskan transaksi perolehan baharu tersebut.
- Analisis Audit mendapati berlaku perolehan secara pecah kecil di satu (1) PTJ berjumlah RM29,250. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PEROLEHAN SECARA PECAH KECIL OLEH PTJ

BIL.	PTJ	ITEM PEROLEHAN	NO. DOKUMEN PESANAN KERAJAAN	NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ TARIKH	NO. PENDAFTARAN PEMBEKAL	NILAI (RM)
1.	Hospital Ipoh	Bekalan <i>Toner</i>	PO180000000005301	12002789/ 27.03.2018	IP0215387-M	14,460.00
			PO1800000000257930	12014265/ 28.09.2018	129091-V	14,790.00
JUMLAH						29,250.00

Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Sistem ePerolehan Baharu

Maklum balas MoF yang diterima pada 25 Februari, 21 Mei dan 16 November 2020

Sistem ePerolehan Baharu menyediakan notifikasi kepada Agensi sekiranya sesuatu perolehan untuk sesuatu item yang sama telah melebihi RM20 ribu setahun untuk sesuatu PTJ. Notifikasi ini dipaparkan kepada dua (2) peringkat pengguna iaitu Peminta dan Pelulus semasa penciptaan Nota Minta. Namun demikian, sistem ini tidak menyekat jika agensi meneruskan perolehan tersebut. Perolehan boleh diteruskan (walaupun notifikasi telah diberikan kepada agensi) berdasarkan kelulusan Pelulus di agensi masing-masing. Rekod kelulusan Pelulus ini boleh dirujuk di rekod *tracking diary*.

Sekiranya PTJ memutuskan untuk meneruskan juga sesuatu perolehan, walaupun telah diberikan *alert* status semasa perolehan (contoh: perolehan telah melebihi had nilai yang dibenarkan) maka ia adalah menjadi tanggungjawab PTJ untuk memberi justifikasi yang munasabah ke atas perolehan yang dijalankan tersebut.

Penambahbaikan sistem sedang dijalankan yang mana sistem menyediakan ciri kawalan untuk mengelakkan unsur pecah kecil, iaitu agensi dikehendaki untuk mendapatkan kelulusan MoF (melalui sistem eGPA) terlebih dahulu untuk membolehkan perolehan ke atas sesuatu item yang sama.

Pendapat Audit | Mekanisme kawalan yang disediakan dalam sistem ePerolehan Baharu adalah tidak cekap kerana sistem *alert* yang disediakan masih membenarkan perolehan diteruskan.

- f. Berdasarkan PP PK 2.1 (Kaedah Perolehan Kerajaan), semua agensi hendaklah menggunakan Kontrak Panel sepenuhnya dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain. Senarai item dan syarikat di bawah Kontrak Pusat Sistem Panel dilampirkan dalam PP PK 2.1.
- g. Lawatan ke PTJ mendapati tiga (3) PTJ telah melaksanakan perolehan dengan pembekal bukan lantikan Kontrak Panel Berpusat. Butiran PTJ yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PEROLEHAN DI LUAR KONTRAK PANEL BERPUSAT

BIL.	PTJ	PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak dan Kedah	Bekalan Ayam Segar	16,575.00
2.	Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Utara	Perabot	12,050.00
3.	Kolej Komuniti Chenderoh	Bekalan Ayam Segar	3,616.50
JUMLAH			32,241.50

Sumber: Semakan Fizikal di PTJ

Maklum balas MoF yang diterima pada 21 Mei 2020

MoF tidak menerima permohonan dari PTJ untuk mengeluarkan SST secara manual melalui menu Cipta SST di dalam sistem ePerolehan Baharu. Ketiga-tiga perolehan ini tidak tertakluk dengan surat pengecualian MoF bertarikh 2 Julai 2018. Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada agensi yang berkenaan kerana ketidakpatuhan kepada tatacara perolehan Kerajaan.

Pendapat Audit | Tiada mekanisme kawalan yang efektif dalam sistem ePerolehan Baharu bagi mengenal pasti perolehan yang dibuat tanpa mematuhi peraturan. Apabila pengguna boleh mencipta dokumen SST dengan pembekal bukan lantikan Kontrak Panel Berpusat, ia memberi risiko pengguna memanipulasi sistem bagi kepentingan peribadi.

5.1.5. Pencapaian *Outcome* - Data yang Lengkap

- a. Dokumen eP Database Reference Version 1.11, March 2018 memberikan maklumat mengenai pangkalan data ePerolehan. Ia menggariskan *table* dan *field* yang dicipta dan digunakan dalam sistem ePerolehan Baharu. Terdapat kriteria yang wajib diisi (*mandatory field*) bagi setiap *field* untuk memudahkan carian dan menghubungkan data dengan *table* lain. Keseluruhan pangkalan data ePerolehan dikategorikan seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
BILANGAN MODUL DAN TABLE BAGI PANGKALAN DATA
SISTEM ePEROLEHAN BAHARU

BIL.	MODUL	BILANGAN TABLE
1.	PM (<i>Profile Management</i>)	120
2.	PP (<i>Procurement Plan</i>)	10
3.	CM (<i>Catalogue Management</i>)	17
4.	SM (<i>Supplier Management</i>)	84
5.	SC (<i>Sourcing</i>)	97
6.	CT (<i>Contract Management</i>)	51
7.	FL (<i>Fulfilment</i>)	36
8.	PY (<i>Supplier Payment</i>)	7
9.	TPL (<i>Template</i>)	13
JUMLAH		435

Sumber: eP Database Reference Version 1.11, March 2018

- b. Semakan Audit berdasarkan maklumat data ePerolehan dari 1 Januari 2018 hingga bulan Julai 2019 mendapati *mandatory field* yang tidak diisi adalah antara dua (2) hingga 9.36 juta rekod. Selain itu, 100% (656 rekod) yang tidak diisi

adalah dalam *Modul Sourcing* (SC) bagi *table* SC_PURCHASE_INQUIRY untuk *field* DATE_TO_RESPON iaitu *Date given to the supplier to response for the Purchase Inquiry*.

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati maklumat *Letter of Acceptance* (LOA) *Acknowledge Date from the supplier* (*mandatory field*) tidak diisi oleh pembekal bagi dua (2) daripada 48,145 rekod dalam Modul *Contract Management* (CT) bagi *table* CONTRACT *field* ACK_DATE. Maklumat tersebut adalah sangat penting bagi sesuatu kontrak. MoF memaklumkan keadaan ini adalah disebabkan data yang tidak diisi dalam *mandatory field* semasa proses migrasi. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
MANDATORY FIELD TIDAK DIISI

MODUL	TABLE NAME	FIELD NAME	DESCRIPTION	BIL. REKOD TIDAK DIISI	JUMLAH REKOD	PERATUS (%)
MODUL PM	ADDRESS	ADDRESS_1	The first mandatory line of the address	2	139,510	0
	SUB_SETIA	DESCRIPTION	Description of the Sub Setia	1,566	13,514	11.6
		PROJECT_CODE	Project code	1,566	13,514	11.6
		SUB_SETIA_CODE	Sub Setia code	1,566	13,514	11.6
		FINANCING_TYPE	Financing type e.g. P - Dibiayai melalui pinjaman Kerajaan S - Projek adalah di bawah pembiayaan PFI	11,810	13,514	87.4
MODUL CT	ADDRESS	ADDRESS_1	The first line of supplier address	161	207,895	0.1
	APPROVER	DOC_TYPE	Doc Type: FD - Fulfilment Details Creation FA - Fulfilment Details Amendment FU - Fulfilment Details Update FT - Contract Termination FS - Contract Suspension/ Activation CB - Change Supplier Bank Account RF - Request Factoring AC - Agreement SA - Supplemental Agreement PC - Panel Circular Creation P U - Panel Circular Update CC - Central Contract Circular Creation CU - Central Contract Circular Update CR - Cancel Circular Request	21,240	169,553	12.5
	CONTRACT	ACK_DATE	LOA Acknowledge Date from the supplier	2	48,145	0
	CONTRACT_ITEM	EFF_DATE	Default to Contract Start Date. Used when user change max ceiling quantity	62	2,363,101	0
	CONTRACT_VALUE	ACK_DATE	Supplier acknowledge date for LOA as per contract version	1	130,181	0
	DEDUCTION_CLAUSE	CLAUSE_DESCRIPTION	Clause Description	6,386	77,218	8.3
	FACTORING	AUTH_REF_NO	Authorized Reference Number	124	973	12.7

MODUL	TABLE NAME	FIELD NAME	DESCRIPTION	BIL. REKOD TIDAK DIISI	JUMLAH REKOD	PERATUS (%)
	ITEM_MAX_QTY	EFF_DATE	Price Effective Date - Default to Contract Effective Date	63	2,759,912	0
	ITEM_PRICE	EFF_DATE	Price Effective Date	26	2,969,026	0
MODUL FL	DELIVERY_ORDER	SUPPLIER_DO_REF	Supplier DO Number which identified the physical DO submitted by Supplier. Will be defaulted based on DELIVERY_ORDER_NO. In Next-GEN the number should be 17char but to support migrated data, this field is extended to 35char.	5	1,549,197	0
	DOC_NO	DOC_TYPE	Referring to a specific document type such invoice, delivery order, etc.	31,554	129,858	24.3
	FULFILMENT_REQUEST	TITLE	Title for the Fulfilment Request	9	1,809,012	0
	PAYMENT_ADVICE	DESCRIPTION	Description for the payment advice	266	1,381,178	0
	WORKFLOW_STATUS	DOC_TYPE	Referring to Fulfilment Documents which can be PR, CR, PO, CO, etc.	9,358,110	32,151,131	29.1
MODUL SM	SM_ADDRESS	ADDRESS_1	The first line of supplier address. Only address 1 to 3 are used and their size on UI is limit to 10 0 characters. Some migrated data having length more than 100 characters	181	8,061,301	0
	SM_ASSOCIATE_COMPANY	COMPANY_NAME	Associate company name.	6,533	14,757	44.3
		REG_NO	Registration no. of the associate company.	6,533	14,757	44.3
	SM_COMPANY_ADDRESS	ADDRESS_TYPE	Address type of the supplier company. The possible values are: C - Company address M - Mailing address	191,018	443,491	43.1
	SM_EQUITY_COMPANY	COMPANY_NAME	The name of the equity company	3,166	27,578	11.5
		REG_NO	Company/business Registration No of the equity company	3,166	27,578	11.5
	SM_PERSONNEL_ADDRESS	ADDRESS_TYPE	Address type: I - Per IC address R - Residential address O - Office address M - Mailing address	2,074,038	4,773,646	43.4
	SM_STAFF_ACADEMIC	INSTITUTE_NAME	The name of the institution	4	1,763,480	0
MODUL PP	SM_SUPPLIER_OWNER	OWNER_NAME	Owner name	27,150	50,883	53.4
	PP_REMARK	REMARK	Remark	13	1,436	0.9
MODUL PY	PY_PAYMENT_RESPONSE	PAYMENT_STATUS	Status from payment gateway 00 - Success 11 - Fail 22 - Pending	152,324	1,266,436	12
MODUL SC	SC_ADDRESS	ADDRESS_1	The first line of the address	161	2,680,588	0
	SC_PURCHASE_INQUIRY	DATE_TO_RESPON	Date given to the supplier to response for the Purchase Inquiry	656	656	100
	SC_QT	QT_TITLE	The title of the Quotation/ Tender. Display in notice board, dashboard, etc.	1	87,693	0

MODUL	TABLE NAME	FIELD NAME	DESCRIPTION	BIL. REKOD TIDAK DIISI	JUMLAH REKOD	PERATUS (%)
	SC_QT_BSV_ATTENDANCE	IC_PASSPORT	The attendance's IC or Passport No.	117,510	1,149,074	10.2
		NAME	The attendance's name	156,690	1,149,074	13.6
	SC_QT_SAMPLE_LABEL	LABEL_NO	The label no. of the sample	77,253	208,325	37.1
	SC_QUOTE	TITLE	Title of the simple quote	8	1,265,526	0
	SC_QUOTE_CRITERIA	CRITERIA_TYPE	The type of criteria to invite suppliers for Simple Quote participation: BN- Business Nature LD - Location by District LS - Location by State LV - Location by Division	3,299,166	7,843,121	42.1
	SC_REMARK	REMARK	A remark makes by the user	65	2,261,482	0
	SC_REQUEST_NOTE	TITLE	Title of Request Note	15	1,392,226	0
JUMLAH					80,423,054	

Sumber: Data Sistem ePerolehan Baharu - Tarikh Muat Turun Pada 26 Jun 2019 Hingga 15 Julai 2019

Maklum balas MoF yang diterima pada 13 dan 21 Mei 2020

BPK MoF memaklumkan *field* tersebut mengandungi *space* kerana ia merupakan *draft address* yang dimasukkan oleh pengguna tetapi tidak dihantar sebagai *final application*. Semakan juga mendapati tiada rekod yang mempunyai *link* dengan mana-mana transaksi utama. Aktiviti pembersihan data dijalankan setiap hari, namun keutamaan adalah diberikan kepada *table* yang mempunyai data yang besar dan memberikan impak kepada sistem ePerolehan Baharu. Daripada 2.3 *megabyte* jumlah storan sistem ePerolehan Baharu yang mempunyai 21 juta rekod, hanya 73 ribu rekod sahaja bagi *address_1* yang mempunyai *space*.

Pendapat Audit | Aktiviti pembersihan data adalah kurang efektif kerana mengakibatkan ketidakcekapan penggunaan storan.

5.1.6. Pencapaian *Outcome* - Pengurusan ID dan Peranan Pengguna

- Sistem ePerolehan Baharu menyediakan kawalan akses dan pengasingan tugas iaitu penetapan ID dan peranan pengguna. Kawalan akses dan pengasingan tugas dibuat bagi memastikan pegawai yang bertanggungjawab sahaja mendapat akses ke skrin dan tugas yang dibenarkan.
- Analisis Audit mendapati enam (6) Pesanan Kerajaan disedia dan diluluskan oleh pegawai yang sama. MoF memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan oleh butiran pengguna tersebut diambil atau dipindahkan melalui aktiviti PTJ *onboarding* bagi migrasi maklumat pengguna dari sistem ePerolehan lama kepada sistem ePerolehan Baharu. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PESANAN KERAJAAN DISEDIA DAN DILULUSKAN OLEH PEGAWAI YANG SAMA

BIL.	ID PEGAWAI	PTJ	NOMBOR PESANAN KERAJAAN	AMAUN DOKUMEN (RM)	BUTIRAN PEROLEHAN
1.	65977	Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia	PO18000000095039	266.00	Apron Kakitangan Perubatan atau Bib Plastik Pakai Buang Meditex 1400mm X 800mm X 0.02mm <i>White</i>
			PO18000000095086	5,750.00	Sarung Tangan Pemeriksaan Perubatan Atau Bukan Kegunaan Pembedahan <i>Disp Latex Exam Glove Powder Free</i>
2.	8875	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Seberang Perai Tengah	PO180000000102451	656.00	Cawan-cawan Pergigian Tempa Atau Bekas Berwarna
			PO180000000102455	57.60	Cawan-cawan Pergigian Tempa Atau Bekas Berwarna
			PO190000000601956	300.00	Borang Kawalan Atau Buku Kawalan LP.8_A Kad Sambungan KKM <i>Pink</i>
3.	46626	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	PO180000000225945	378.00	Perkhidmatan Memasak Atau Penyediaan Makanan

Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Sistem ePerolehan Baharu Dari 1 Januari 2018 Hingga 31 Oktober 2019

Maklum balas MoF yang diterima pada 25 Februari, 8 Mei dan 16 November 2020

Proses *onboarding* dilaksanakan oleh PTJ dalam memastikan maklumat pengguna dapat dimigrasi ke sistem ePerolehan Baharu. Semasa pelaksanaan proses *onboarding* tersebut, terdapat Agensi yang tidak mengunci masuk maklumat pengguna dan data tersebut turut dimigrasikan ke dalam sistem ePerolehan Baharu bagi membolehkan PTJ tersebut bertransaksi semasa sistem ePerolehan Baharu *go-live*.

Aktiviti pemurnian perlu dilakukan oleh PTJ sendiri memandangkan hanya PTJ itu sahaja mempunyai maklumat pengguna dan boleh dipinda berdasarkan keperluan semasa.

Dalam sistem ePerolehan Baharu, matrik profil disemak dalam Modul Pengurusan Profil (Modul PM). Peranan Peminta dan Pelulus tidak dibenarkan ke atas ID Pengguna yang sama. Memandangkan semakan pengesahan pengguna telah dibuat di Modul PM, tiada semakan matrik profil dibuat semasa di peringkat transaksi. PTJ tidak menyemak profil sebelum proses migrasi profil untuk diguna pakai dalam sistem ePerolehan Baharu. Bagi memastikan perkara ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang, proses kawalan peranan bagi setiap ID pengguna telah dibangunkan dalam Modul PM mengikut matrik *Segregation of Duty*.

Pendapat Audit | Pengurusan proses *onboarding* bagi migrasi maklumat pengguna dari sistem ePerolehan lama kepada sistem ePerolehan Baharu adalah kurang efektif kerana tiada aktiviti pemurnian ke atas pangkalan data dilaksanakan.

5.2. Pengurusan Pembangunan Sistem

5.2.1. Prestasi Kewangan

a. Tuntutan Kos Tambahan oleh Kontraktor

- i. Klausula 8.7 kontrak menyatakan "*The Company may, as and when necessary and subject to prior approval of the ePerolehan Steering Committee, carry out at its own costs and expenses the incorporation of any additional features, functions, capabilities or templates to enhance the NextGen ePerolehan throughout the Concession Period*".
- ii. Semakan Audit mendapati tiada klausula berkaitan kos tambahan dinyatakan dalam dokumen kontrak. Bagaimanapun, kontraktor telah memohon kos tambahan pada 1 Julai 2015, 31 Oktober 2017 dan 2 Februari 2018. Seterusnya, melalui surat bertarikh 14 Mac 2018 kontraktor telah mengemukakan keseluruhan jumlah tuntutan kos tambahan sebanyak RM227 juta disebabkan penangguhan sistem ePerolehan Baharu dari 1 Januari 2015 ke 1 Januari 2018.
- iii. MoF telah meluluskan permohonan tuntutan kos tambahan daripada kontraktor berjumlah RM228.42 juta pada 3 April 2018. Kos ini terdiri daripada kos tambahan berjumlah RM227 juta akibat penangguhan pelaksanaan sistem ePerolehan Baharu, manakala baki RM1.42 juta pula adalah tuntutan kos pelan kontigensi sistem tersebut. Beberapa siri perbincangan antara MoF dengan kontraktor berkenaan tuntutan kos tambahan oleh kontraktor telah diadakan sejak tahun 2016 sehingga tarikh kelulusan oleh MoF. Butiran kos tambahan adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
TUNTUTAN KOS TAMBAHAN KONTRAKTOR YANG DILULUSKAN OLEH MoF
BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2015 HINGGA 31 DISEMBER 2017

PERKARA	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	
Kos Tambahan	58.40	56.30	40.10	154.80
<i>Cost of Fund @ 6% p.a</i> (tahun 2015 sehingga 2027)	72.20			72.20
Kos Pelan Kontigensi	-	-	1.42	1.42
JUMLAH				228.42

Sumber: Surat Kelulusan MoF Bertarikh 3 April 2018

- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati tuntutan kos tambahan tersebut diluluskan oleh Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan II (JPMKII) Bil. 4/2018 pada 28 Mac 2018 dengan syarat berikut:

- kos tambahan dan kadar *mandays* bagi tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM154.88 juta perlu diperhalusi dan dirundingkan ke paras terendah yang boleh menguntungkan Kerajaan;
 - bayaran secara *lump sum* bagi tuntutan kos tambahan berjumlah RM30 juta, iaitu 13.2% daripada jumlah nilai siling RM227 juta dan kos pelan kontigensi sistem ePerolehan Baharu berjumlah RM1.42 juta;
 - kontraktor dibenarkan untuk mengutip fi permohonan pendaftaran pembekal (permohonan baharu dan pembaharuan) sebanyak RM400 bagi tempoh empat (4) tahun bermula 1 April 2018 berdasarkan semakan semula bayaran balik tuntutan bagi setiap tiga (3) tahun; dan
 - kontrak konsesi dilanjutkan selama dua (2) tahun sehingga tahun 2029.
- v. Kos tambahan ini wujud disebabkan penangguhan tarikh *go-live* sistem ePerolehan Baharu dari 1 Januari 2015 kepada 1 Januari 2018. Kos yang terlibat meliputi kos penyenggaraan infrastruktur, sumber projek, penyelesaian tambahan, pengurusan dan perubahan pengurusan logistik. Ia turut melibatkan penambahbaikan sistem ePerolehan Baharu disebabkan keperluan pematuhan kepada CBP dan sebagainya.
- vi. Berdasarkan surat kontraktor kepada BPK MoF bertarikh 17 November 2014, punca kelewatan *go-live* pada 1 Januari 2015 adalah disebabkan kontraktor mengakui bahawa sistem ePerolehan Baharu tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Mesyuarat ePSC Bil. 3/2016 pada 22 Disember 2016 pula telah memutuskan untuk melaksanakan satu pelan kontigensi sekiranya iGFMS belum bersedia untuk *go-live*.
- vii. Sistem ePerolehan Baharu akan berintegrasi dengan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) bagi tujuan *go-live* pada 1 Januari 2018. Pelan kontigensi ini telah siap dibangunkan dan berjaya diuji pada bulan Julai 2017. Namun, pihak Audit mendapati pelan kontigensi ini akhirnya tidak dilaksanakan memandangkan iGFMS telah sedia untuk *go-live* pada 1 Januari 2018.
- viii. JPMKII Bil. 4/2018 pada 28 Mac 2018 telah memutuskan supaya permohonan peruntukan bayaran secara *lump sum* dibawa dalam peruntukan Bajet Tambahan 2018. BPK MoF telah membuat permohonan semula kepada YB Menteri Kewangan pada 9 Julai 2018 memandangkan terdapat perubahan pucuk pimpinan Kerajaan.

- ix. Kelulusan telah diberikan oleh YB Menteri Kewangan pada 20 Julai 2018 dengan syarat kos pembayaran dikurangkan sebanyak 10 peratus, iaitu berjumlah RM28.27 juta. Semakan Audit mendapati tuntutan kos tambahan dan pelan kontigensi berjumlah RM28.27 juta tersebut telah dibayar kepada kontraktor pada 14 September 2018.

Maklum balas MoF yang diterima pada 25 Februari, 13 dan 21 Mei 2020

Bahagian Undang-undang MoF melalui memo bertarikh 17 November 2017 berpandangan Kerajaan perlu mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam menyebabkan pertambahan kos. Sekiranya Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan tersebut, setiap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu diperincikan dalam invois dan disahkan oleh Kerajaan.

BPK MoF telah mengadakan Mesyuarat Perincian Kos Tambahan Sistem ePerolehan Baharu pada 4 Disember 2019 dan Mesyuarat Susulan bertarikh 27 Februari 2020 untuk mendapatkan pengesahan amaun sebelum dikemukakan kepada kontraktor untuk pertimbangan. Sekiranya pihak kontraktor tidak bersetuju dengan amaun tersebut, Jawatankuasa Rundingan Harga akan ditubuhkan untuk menilai dan menetapkan amaun bagi memastikan Kerajaan mendapat nilai terbaik dan menguntungkan.

BPK MoF telah memohon kepada pihak kontraktor untuk mengemukakan beberapa dokumen yang diperlukan bagi menyemak semula dan mengesahkan tuntutan kos tambahan terutamanya melibatkan kaedah pengiraan kadar *mandays*.

Pendapat Audit | Pengurusan kewangan adalah kurang cekap kerana Kerajaan dikenakan kos tambahan walaupun tiada klausa berkenaan dalam syarat kontrak. Kos tambahan ini memberi implikasi kewangan sebanyak RM28.27 juta kepada Kerajaan.

b. *Liquidated and Ascertained Damages (LAD)*

- i. Klausa 10.1 kontrak menyatakan "*If due to its default, the Company fails to complete the Development works within the development period or within any extended period as may be granted by the Government, then the Government shall entitled to recover from the company, the LAD for each day of the delay calculated from the date on which such development works is supposed to be completed until the date the development works is actually completed*".
- ii. Berdasarkan tarikh SST ditandatangani pada 5 Disember 2012, aktiviti pembangunan sistem perlu bermula dari tarikh tersebut. Semakan Audit mendapati pada 5 November 2014, terdapat aktiviti pembangunan yang

belum dilaksanakan iaitu *Functional Test* (FT) dan *System Integration Test* (SIT), *User Acceptance Test* (UAT), Latihan Pengguna, *Operational Readiness Test* (ORT) serta *Performance and Security Test*.

- iii. Kontraktor telah memohon pelanjutan masa pada 5 November 2014 disebabkan aktiviti pembangunan yang belum selesai. Berdasarkan keputusan Mesyuarat JPMKI Bil. 8/2014 bertarikh 21 November 2014, sistem ePerolehan Baharu ditangguhkan daripada 1 Januari 2015 kepada 1 Januari 2016 atau sehingga sistem ePerolehan Baharu beroperasi sepenuhnya mengikut mana yang terkemudian. Mesyuarat ini juga bersetuju LAD dikenakan bermula 1 Januari 2015 kerana kegagalan menyiapkan sistem ePerolehan Baharu. Bagaimanapun, tiada tuntutan LAD dikenakan terhadap kontraktor.

Maklum balas MoF yang diterima pada 25 Februari dan 6 Julai 2020

Mesyuarat Jawatankuasa LAD Bil. 1/2019 yang dilaksanakan pada 4 Disember 2019 telah bersetuju untuk mengenakan LAD dari tahun 2015 sehingga 30 Jun 2018 (kecuali tahun 2017 dan 1 Januari hingga 14 Februari 2018) dengan jumlah sebanyak RM16.30 juta.

Surat LAD berjumlah RM16.30 juta telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 25 Jun 2020 selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perolehan pada 22 Jun 2020.

Pendapat | Pengurusan LAD adalah kurang cekap kerana terdapat Audit kelewatan mengenakan tuntutan berjumlah RM16.30 juta kepada kontraktor.

5.2.2. Pengurusan Perolehan

- a. Merujuk Surat Edaran Unit Perancang Ekonomi (UPE) bertarikh 10 Oktober 2007 mengenai Proses Mendapatkan Kelulusan Bagi Melaksanakan Projek Penswastaan Melalui Kaedah *Outsourcing* dimaklumkan perkara seperti berikut:
 - i. Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa Kementerian tidak dibenarkan secara bersendirian *outsource* perkhidmatan kepada syarikat swasta tanpa melalui UKAS dan persetujuan Jemaah Menteri; dan
 - ii. projek bernilai sekurang-kurangnya RM25 juta dan tempoh konsesi sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun adalah tertakluk kepada keputusan ini.
- b. Mengikut Pekeliling UPE, JPM Bil. 3/2009 bertarikh 29 Disember 2009, semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas hendaklah melalui proses Makmal Pengurusan Nilai [*Value Management Lab* (*VM Lab*)].

- c. Surat Pekeliling Am Bil. 4/2004 Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan menetapkan agensi Kerajaan Persekutuan hendaklah mendapatkan kelulusan perolehan ICT daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) peringkat Kementerian.
- d. Semakan Audit mendapati Mesyuarat JPMKI Bil. 5/2012 pada 25 Jun 2012 telah meluluskan pembangunan dan pelaksanaan sistem ePerolehan Baharu melalui kaedah OOS untuk tempoh 15 tahun secara rundingan terus dengan kontraktor. Kelulusan tersebut mengambil kira perkara seperti dalam **Jadual 20** dan dikecualikan daripada melalui UKAS berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) pada 4 Oktober 2012 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah UKAS.

JADUAL 20
KAEDAH PEROLEHAN SISTEM ePEROLEHAN BAHARU YANG DILULUSKAN

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
1.	Kaedah Pelaksanaan	<i>Outsourcing of Services</i> (OOS)
2.	Tempoh Pelaksanaan	15 tahun
3.	Fi Perkhidmatan yang Akan Dikutip oleh Kontraktor	0.4% setiap transaksi kontrak bermasa yang melibatkan beberapa kali bayaran dengan kenaaan maksimum RM4,800 0.8% setiap transaksi bagi <i>one time payment</i> dengan kenaaan maksimum RM9,600
4.	Fi Pendaftaran Pembekal	- RM450 dikenakan kepada pembekal tetapi Kerajaan akan mengutip RM350 manakala kontraktor akan mengutip RM100 - Tiada kenaaan fi bagi tambah bidang
5.	Fi Sijil Digital	Ditanggung oleh kontraktor
6.	Hak <i>License to Use</i>	Kerajaan diberi hak " <i>license to use</i> " sistem ePerolehan Baharu selepas tamat konsesi selagi tiada perubahan kepada sistem tanpa dikenakan sebarang caj bagi tempoh yang dipersetujui

Sumber: Mesyuarat JPMKI Bil. 5/2012 Pada 25 Jun 2012

- e. Selain dikecualikan daripada UKAS, pihak Audit mendapati perolehan sistem ini juga tidak melalui *VM Lab*. Kelulusan JPICT di peringkat MoF juga tidak diperolehi semasa pengauditan.

Maklum balas MoF yang diterima pada 13 Mei dan 16 November 2020

Pembangunan sistem ePerolehan Baharu diluluskan berdasarkan penilaian Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan (JPTK) dan hasil penilaian, harga serta syor diangkat kepada JPMKI untuk keputusan. Mesyuarat JPMKI pada 18 Oktober 2011 telah meluluskan perolehan sistem ePerolehan Baharu secara rundingan terus dengan Syarikat 486495V. Sehubungan itu, perolehan sistem ini tidak diangkat untuk kelulusan JPICT di peringkat MoF dan melalui *VM Lab* memandangkan keputusan yang diberikan semasa Mesyuarat JPMKI seperti yang dinyatakan di atas.

Satu sesi Mesyuarat Membincangkan Keperluan *Value Management Lab* Bagi Projek Sistem ePerolehan Baharu Kementerian Kewangan telah dilaksanakan pada 17 Julai 2020 yang lalu.

Susulan daripada mesyuarat tersebut, Unit Perancang Ekonomi melalui surat no. rujukan EPU.37/1/39(10) bertarikh 24 Ogos 2020 telah memutuskan bahawa:

- a) Sebarang pengecualian *VM Lab* adalah berdasarkan surat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah UPE, JPM;
- b) Tiada pengecualian *VM Lab* diberikan bagi projek ini kerana projek telah berjalan (*go-live*) pada 1 Januari 2018; dan
- c) Cadangan agar *VM Lab* dilaksanakan untuk melihat semula (*review*) *charges* seperti klausa 11.3-*Review* di dalam kontrak Sistem ePerolehan Baharu di antara pihak Kerajaan dan kontraktor serta keputusan makmal yang dicadangkan boleh ditambah baik dalam kontrak sedia ada melalui Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*).

Maklum balas MAMPU yang diterima pada 20 Mei 2020

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2015 (Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Sektor Awam) terpakai kepada semua agensi Sektor Awam bagi semua projek ICT yang dibiayai oleh peruntukan kewangan Persekutuan atau projek ICT yang dilaksanakan melalui kaedah *Private Finance Initiative* (PFI) atau *Public Private Partnership* (PPP) mula berkuat kuasa 11 November 2015. Oleh itu, projek ePerolehan Baharu yang bermula pada 5 Disember 2012 tidak terpakai kepada pekeling ini. Bagaimanapun, JPICT Kementerian bertanggungjawab menilai dan meluluskan semua perolehan projek ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya berdasarkan kepada keperluan sebenar.

Pendapat Audit | **Perolehan pembangunan sistem ePerolehan Baharu adalah tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan iaitu tiada pengecualian *VM Lab* oleh UPE dan kelulusan JPICT di peringkat MoF.**

5.2.3. Pentadbiran Kontrak

PP PK 4.1 (Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan) menetapkan agensi dikehendaki mengambil perhatian terhadap pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan pelaksanaan perolehan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kontrak Lewat Ditandatangani

- i. PP PK 2.1 (Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan) menetapkan agensi hendaklah memastikan kontrak ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat dengan segera tidak melebihi tempoh dua (2) bulan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan dari tarikh SST ditandatangani oleh syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati SST ditandatangani pada 5 Disember 2012. Bagaimanapun, dokumen kontrak telah ditandatangani pada 23 Januari 2015, iaitu lewat 717 hari dari tempoh sepatutnya ditandatangani. Menurut pegawai BPK MoF, draf kontrak yang dikemukakan semula oleh kontraktor tidak mengikut klausa kontrak yang telah dipersetujui menyebabkan kelewatan menandatangani kontrak tersebut. Selain itu, terdapat kesukaran memuktamadkan kontrak disebabkan MoF tidak mempunyai pengalaman dalam mengikat perjanjian melibatkan kaedah OOS. Kronologi kelewatan menandatangani kontrak adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KRONOLOGI KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK

BIL.	TARIKH	BUTIRAN	CATATAN
1.	11-13 Disember 2013	Bengkel Memuktamadkan Kontrak ePerolehan Baharu di Hotel Avillion Legacy Melaka	Tiada laporan bengkel dikeipikan dalam fail.
2.	24 Januari 2014	Mesyuarat berkaitan kontrak ePerolehan Baharu	Tiada minit mesyuarat disertakan dalam fail.
3.	11 Jun 2014	Mesyuarat berkaitan kontrak ePerolehan Baharu Perbincangan berkaitan: <i>Konsep Outsourcing of Services</i> <i>Intellectual Property Rights (IPR)</i> <i>Pelaksanaan Escrow Agent</i> Kaedah Pengiraan LAD dan SLA	Tiada minit mesyuarat disertakan dalam fail.
4.	19 September 2014	Penyelesaian Segera Perkara-perkara Berbangkit Projek ePerolehan Baharu Kandungan Surat: Pihak pengurusan Sektor S, BPK MoF telah menerima maklum balas daripada pegawai Seksyen ePerolehan bahawa terdapat aktiviti tertentu tidak diselesaikan mengikut jadual oleh pihak kontraktor . Sebagai contoh, dokumen kontrak masih tertangguh kerana didapati pihak kontraktor tidak mengemas kini beberapa klausa yang telah dipersetujui semasa perbincangan bersama Kerajaan.	Surat MoF dikeluarkan kepada kontraktor.
5.	26 September 2014	Penyelesaian Segera Perkara-perkara Berbangkit Projek ePerolehan Baharu Kandungan Surat: 25 Julai 2014: Pihak kontraktor telah menyerahkan draf kontrak kepada Seksyen ePerolehan. 21 Ogos 2014: draf berikutnya. 22 September 2014: draf kontrak yang berulang ini adalah disebabkan maklum balas perubahan daripada Seksyen ePerolehan termasuk permintaan perubahan terbaru.	Surat jawapan kontraktor kepada Seksyen ePerolehan. Minit mesyuarat akhir kontrak bersama YBhg. Dato' SBPK pada 28 Jun 2014 tiada di dalam fail.

BIL.	TARIKH	BUTIRAN	CATATAN
6.	8 Oktober 2014	Penyelesaian segera perkara-perkara berbangkit Projek ePerolehan Baharu Kandungan Surat: BPK MoF mendapati maklum balas pihak kontraktor terhadap pihak Kerajaan di dalam surat bertarikh 19 September 2014 adalah tidak wajar dan tidak tepat seperti berikut: i. Permasalahan yang ditegur bukanlah kepada isu kekerapan perubahan pada draf kontrak kerana perkara ini sememangnya wajar berlaku dalam perbincangan untuk memuktamadkan kontrak. ii. Isu berkenaan perkara ini adalah berkaitan setiap draf yang dikemukakan semula oleh kontraktor tidak dikemas kini selaras dengan klausa kontrak yang telah dipersetujui. Perkara ini telah menyulitkan dan melewatkan proses memuktamadkan kontrak ePerolehan Baharu.	Surat jawapan MoF kepada kontraktor.

Sumber: Rekod Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF

Maklum balas MoF yang diterima pada 21 Mei dan 16 November 2020

BPK MoF mengakui akan kelewatan menandatangani dokumen kontrak. Kontrak lewat ditandatangani memandangkan kaedah OOS merupakan kaedah yang pertama kali dilaksanakan dalam kontrak Kerajaan. Sehubungan itu, proses rundingan untuk memuktamadkan klausa kontrak mengambil masa bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak yang berkontrak.

b. Perubahan Kepada Kontrak

- i. Klausa 30.11 kontrak memperuntukkan bahawa tiada pengubahsuaian, pindaan atau pengecualian peruntukan perjanjian ini akan berkuat kuasa melainkan jika dibuat dengan persetujuan bersama secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak kepada perjanjian ini.
- ii. Semakan Audit mendapati berlaku perubahan kepada tempoh pembangunan sistem ePerolehan Baharu, iaitu daripada dua (2) tahun (siap 1 Januari 2015) kepada lima (5) tahun (siap 1 Januari 2018). Bagaimanapun, tiada sebarang perjanjian tambahan dibuat oleh MoF. Perjanjian tambahan ini hendaklah dibuat bagi mengelakkan apa-apa komplikasi, masalah atau pertikaian yang mungkin timbul pada masa hadapan terutamanya yang melibatkan penentuan kos dan kerja sebenar yang telah dilaksanakan.

Maklum balas MoF yang diterima pada 21 Mei 2020

Kontrak tambahan masih dalam penyediaan dan dijangka akan diselesaikan selewat-lambatnya bulan Disember 2020. Ia sedang dalam tindakan pihak kontraktor sebelum dikemukakan kepada MoF untuk semakan.

Pendapat Audit | Pentadbiran kontrak adalah kurang cekap kerana terdapat kelewatan menandatangani kontrak menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin dalam tempoh tersebut. Selain itu, tiada perjanjian tambahan dibuat untuk perubahan kepada kontrak.

5.2.4. Pengurusan Aduan Berdasarkan Perjanjian Tahap Perkhidmatan

- a. Merujuk kepada *Appendix 11 Service Level Agreement (SLA), define the Nextgen Electronic Procurement Services, service quality requirement, performance index identification and penalty if non-compliance. The objective of the SLA is to measure the performance of the Nextgen Electronic Procurement Services and shall be outlined as a way of avoiding disputes between the two parties.* Item SLA dibahagikan kepada tujuh (7) perkara iaitu ePerolehan *Overall Availability, System Security, Data Integrity, System Performance, Customer Service Management, Incident Management* dan *Service Request*. Butiran lanjut SLA yang telah ditetapkan untuk setiap item adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
SLA YANG TELAH DITETAPKAN

BIL.	ITEM SLA	THRESHOLD
1.	ePerolehan <i>Overall Availability</i>	10.00%
2.	<i>System Security</i>	0
3.	<i>Data Integrity</i>	0
4.	<i>System Performance</i>	>95.00%
5.	<i>Customer Service Management</i>	
	5.1. <i>Call Center</i>	
	5.1.1. <i>Answered Called (within 10 seconds)</i>	>80.00%
	5.1.2. <i>Abandoned Called</i>	<10.00%
	5.2. <i>Other Channels</i>	
	5.2.1. <i>Letters (working days)</i>	2
	5.2.2. <i>Facsimile (working days)</i>	2
	5.2.3. <i>Telephone (minutes)</i>	15
	5.2.4. <i>Online (minutes)</i>	15
	5.2.5. <i>Email (minutes)</i>	15
6.	<i>Incident Management</i>	
	6.1. <i>IT - Coordinator (minutes)</i>	15
	6.2. <i>IT - Specialists (hours)</i>	4
	6.3. <i>RT - Resolution Time (agreed by both parties)</i>	<i>Varies</i>
7.	<i>Service Request (agreed by both parties)</i>	<i>Varies</i>

Sumber: Concession Agreement (In Relation To The Supply of The NextGen Electronic Procurement Services)

- b. Merujuk kepada **Jadual 22**, SLA berkenaan *Customer Service Management* dan *Incident Management* yang dinyatakan dalam kontrak hanya merujuk kepada *Response Time* dan *Resolution Identification Time*. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
UKURAN YANG DIGUNAKAN UNTUK MENILAI SLA

ITEM	PERIHAL	UKURAN	INDEKS UKURAN
1	<i>Customer Service Management</i>	<i>Response Time</i>	<i>The average time to answer</i>
			<i>The abandonment rate</i>
2	<i>Incident Management</i>	<i>Response Time</i>	<i>From the ticket raised by the contact center to assign and acknowledged by the technical support team</i>
		<i>Resolution Identification Time</i>	<i>Time taken to identify the resolution to resolve the incident or problem starting from acknowledgement by the technical support team</i>

Sumber: Concession Agreement (In Relation to The Supply of The NextGen Electronic Procurement Services)

- c. Analisis Audit terhadap data aduan bagi tempoh bulan Januari 2018 hingga Mei 2019 mendapati aduan berstatus *Resolved* mengambil masa antara 51 hingga 280 hari untuk diselesaikan oleh kontraktor. Kelewatan ini tidak dikenakan penalti walaupun pengguna PTJ dan pembekal tidak menerima perkhidmatan yang pantas dan terbaik. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan klausa kontrak tidak menyatakan mengenai tempoh SLA dan aduan perlu diselesaikan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
BILANGAN ADUAN YANG DISELESAIKAN MENGIKUT HARI

TEMPOH SELESAI (Hari)	BILANGAN ADUAN	
	JANUARI - DISEMBER 2018	JANUARI - MEI 2019
51 - 100	18,108	215
101 - 150	4,853	31
151 - 200	1,694	1
≥201	91	0
JUMLAH	24,746	247

Sumber: Data Aduan

- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap laporan SLA dari bulan Julai 2018 hingga Disember 2019 mendapati ketidakpatuhan kontraktor terhadap SLA boleh dikenakan penalti berjumlah RM34,870. Butiran lanjut jumlah penalti yang boleh dikenakan terhadap kontraktor adalah seperti dalam **Jadual 25**. Bagaimanapun sehingga bulan Disember 2019, masih tiada pemotongan dibuat terhadap ketidakpatuhan SLA. Sebaliknya BPK MoF masih dalam proses untuk memuktamadkan penalti yang perlu dikenakan terhadap kontraktor.

JADUAL 25
JUMLAH PENALTI YANG BOLEH DIKENAKAN
KEPADA KONTRAKTOR KERANA KETIDAKPATUHAN SLA

BIL.	TEMPOH BULAN	JUMLAH PENALTI (RM)
1.	Julai – Disember 2018	34,200.00
2.	Januari – Disember 2019	670.00
JUMLAH KESELURUHAN		34,870.00

Sumber: Laporan Bulanan SLA

Maklum balas MoF yang diterima pada 16 November 2020

BPK MoF telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja SLA dan lantikan ahli-ahli terlibat pada 12 Februari 2019. Semakan berkenaan SLA serta pematuhan terhadap elemen SLA yang telah ditetapkan dalam kontrak juga telah dilaksanakan. Berdasarkan mesyuarat yang telah dijalankan, kenaaan SLA yang diputuskan terhadap kontraktor adalah sebanyak RM7.48 juta. Jumlah kenaaan SLA ini adalah sehingga bulan Disember 2019 dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat SLA Bil. 1/2019 (20 Mac 2019), Bil. 2/2019 (17 Julai 2019) dan Bil. 3/2019 (12 November 2019).

Laporan kenaaan SLA ini telah dibentangkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek (ePSC) Bil. 1/2020 untuk tindakan lanjut bagi elemen yang tidak mencapai SLA sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak. Berdasarkan laporan yang dibentang, Mesyuarat ePSC Bil. 1/2020 telah bersetuju supaya semakan dibuat terhadap implikasi perundangan terhadap cadangan kenaaan SLA yang tidak dinyatakan di dalam kontrak.

BPK MoF telah mengadakan mesyuarat SLA Bil. 1/2020 bertarikh 7 Julai 2020 bagi memutuskan kenaaan penalti serta pengesahan elemen SLA yang dibangunkan pada POMS 2.0 berdasarkan *Appendix 11*. Mesyuarat bersetuju bahawa kenaaan penalti yang dibangunkan di dalam POMS 2.0 akan bermula mengikut tarikh pindaan kontrak.

Sektor S BPK telah mengeluarkan Surat Tuntutan Bayaran bagi kenaaan penalti SLA untuk tempoh 2018 hingga bulan Jun 2020 bertarikh 4 September 2020 berjumlah RM37,010. Surat Pengesahan Penerimaan Bayaran Tuntutan SLA sistem ePerolehan Baharu bagi tahun 2018 hingga bulan Jun 2020 berdasarkan terma kontrak bertarikh 8 Oktober 2020 telah dihantar kepada kontraktor.

Mesyuarat SLA Bil. 2/2020 bertarikh 1 Oktober 2020 berhubung kenaaan bagi bulan Julai hingga Ogos 2020 kontraktor bersetuju untuk melaksanakan pembayaran SLA selaras dengan klausa kontrak sedia ada yang melibatkan elemen dan kenaaan yang telah dipersetujui pada *Appendix 11* dalam Kontrak.

Pendapat Audit | **Pengurusan aduan SLA adalah kurang berkesan kerana kontraktor lewat mengambil tindakan terhadap aduan yang dikemukakan.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pembangunan sistem ePerolehan Baharu tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan memandangkan sistem lewat disiapkan selama tiga (3) tahun. Kos tambahan berjumlah RM28.27 juta telah dibayar kepada kontraktor, manakala LAD berjumlah RM16.30 juta dan SLA berjumlah RM34,870 lewat dikenakan terhadap kontraktor. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan sistem dari segi kawalan aplikasi yang tidak selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Namun, sistem ePerolehan Baharu telah memberi manfaat kepada Perkhidmatan Awam berikutan proses perolehan yang tidak terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 akibat pandemik COVID-19.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang di masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. sub modul Jejak Audit dan Laporan perlu disiapkan segera dan diberi keutamaan dalam Fasa Operasi bagi merekodkan aktiviti pengguna yang membuat perubahan kepada medan rekod iaitu menambah, mengemas kini atau memadam secara automatik serta mekanisme untuk membolehkan Juruaudit menghasilkan laporan yang diperlukan;

7.2. sistem ePerolehan Baharu boleh ditambah baik dengan menambah fungsi sekatan terhadap perolehan yang tidak mengikut prosedur kewangan;

7.3. klausa yang ditetapkan dalam dokumen kontrak berkenaan LAD dan SLA hendaklah dikuatkuasakan terhadap kontraktor untuk mengelakkan kelewatan kenaan LAD berjumlah RM16.30 juta dan SLA berjumlah RM34,870 kepada kontraktor; dan

7.4. MoF perlu mendapatkan kelulusan daripada UPE bagi pengecualian *VM Lab* dan kelulusan JPICT di peringkat MoF untuk melaksanakan sistem ePerolehan Baharu melalui kaedah *Outsourcing of Services*.